# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
# CHE MUD BIN CHE AWANG
# KG. BUNOHAN: MISTERI KG. BUNOHAN


| | |
|---|---|
| DEWI SETIANI BINTI JOEPRI | 2015183255 |
| KHAIRUL AMIRA BINTI KHAIRUDDIN | 2015126307 |

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UiTM CAWANGAN KELANTAN



JULAI 2017

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar dan bersama Che Mud Bin Che Awang mengenai kesahihan sejarah Kg. Bunohan di negeri Kelantan. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam kediaman beliau di Lot 1025 Kampung Bunohan 16210 Tumpat Kelantan pada 24 April 2017 bermula pada jam 02.00 petang. Beliau merupakan salah seorang orang lama di Kg. Bunohan dan merupakan rang yang mahir di dalam industri seni krafangan sera mendapa pengiktirafan dari Kraftangan Malaysia. Beliau mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan tentang asal-usul serta sejarah kesahihan tentang cerita sebenar Kg. Bunohan di negeri Kelantan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sepanjang tinggal di Kg.Bunohan.*

**Kata kunci:** *Che Mud Bin Che Awang, Kg. Bunohan, kraftangan.*

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah SWT. Kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Terdapat pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temu bual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda dan dengan izinnya juga kami dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan projek ini.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604, Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nor Kamariah Bt Chik dan Puan Noor Rahmawati Binti Alias yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya. Kerana tanpa bimbingan dari beliau kami mungkin tidak dapat menyelesaikan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini pada waktu yang ditetapkan.

Selain daripada itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan jutaan terima kasih, kami salurkan kepada tokoh sejarawan dan merupakan adiguru aneka kraf yang penuh dengan keilmuan tempatan iaitu Encik Che Mud Bin Che Awang. Walaupun beliau sibuk dengan pelbagai urusan tetapi beliau sempat meluangkan masa bersama kami, malah beliau turut memberi kerjasama sepenuhnya kepada kami ketika sesi menemu bual untuk kami mencari maklumat tentang asal usul dan sejarah kesahihan Kg. Bunohan di negeri Kelantan ini demi menyiapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Abstrak…… | i |
| Penghargaan…… | ii |
| Isi Kandungan…… | iii |
| Biodata Penemubual…… | iv |
| Biodata Pencerita…… | vi |
| Pengenalan…… | 1 |
| Kajian Literatur…… | 2 |
| Transkrip…… | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh…… | 3 |
| Bahagian 2: Latar Belakang Bunohan…… | 24 |
| Bahagian 5: Pendapat dan Harapan…… | 67 |
| Rujukan…… | 79 |
| Indeks…… | 80 |
| Lampiran | |
| Log Temubual…… | 81 |
| Biografi Tokoh…… | 89 |
| Diari Kajian…… | 90 |
| Senarai soalan…… | 93 |
| Surat Perjanjian…… | 98 |
| Gambar, Sijil & Lain-lain…… | 99 |

# BIODATA PENEMU BUAL



Nama : Khairul Amira Binti Khairuddin

Nama Samaran : Mira

Alamat :

Tarikh Lahir :

No. Telefon :

E-mel :

Profesion : Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) : Pengurusan Sistem Maklumat

Program

Nama : Dewi Setiani Bini Joepri

Nama Samaran : Dewi

Alamat : Kuala Krai Kelantan

Tarikh Lahir :

No. Telefon

E-mel : Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)

Profesion : Pengurusan Sistem Maklumat

Program

# BIODATA PENCERITA

| | |
|---|---|
| Nama | : Che Mud Bin Che Awang |
| Umur | : 73 tahun |
| Nama Samaran | : Pak Cik Soh |
| Tahun Lahir | : 1944 |
| Tempat Lahir | : Laga Bato, Tumpat Kelantan |
| Alamat | : |
| No. Telefon | : |
| Profesion | : Adiguru Aneka Kraf |
| Status | : Berkahwin |
| Bilangan anak | : 4 orang |
| Bilangan cucu | : 17 orang |
| Nama Ayah | : |
| Nama Isteri | : |
| Nama Anak | : |
| Pekerjaan Lama | : Menanam padi (5 tahun) |
| | Bercucuk tanam |
| | Main wayang |

# PENGENALAN

Penyelidik membuat kajian tentang cerita Kg. Bunohan. Ini adalah ringkasan serba sedikit kisah di sebalik nama Kg. Bunohan. Terdapat banyak versi kisah di sebalik nama Bunohan. Versi yang pertama, ia diambil sempena perkelahian beberapa orang kampung dengan ketua mereka, kira-kira 60 tahun ke 70tahun lalu. Akhirnya, ketua kampung dibunuh seperti di dalam filem Bunohan (2013).

Manakala, versi kedua Kg. Bunohan menurut penduduk kampung, berasal daripada jenis perangkap ikan yang digunakan ketika zaman penjajahan British. Perangkap ikan itu dikenali sebagai Bunohan dan banyak digunakan untuk menangkap ikan dalam sungai di kampung, jadi nama itu menjadi popular dan sinonim dengan kampung. Versi yang ketiga atau paling tepat dan lebih dipercayai mengikut penduduk kampung. Ketika tentera Jepun mendarat di sini ketika Perang Dunia Kedua, mereka memenggal dan membunuh sesiapa saja yang menghalang laluan mereka. Kejadian bunuh beramai-ramai terbesar berlaku di sini, maka sebab itu ia dinamakan Kg. Bunohan. Selepas pembunuhan itu, jenazah dan kepala mereka di bawa ke suatu lokasi untuk dikebumikan dalam satu liang dan tempat itu dinamakan Pengkalan Kubor.

Tentera Jepun bukan sahaja membunuh orang Melayu, akan tetapi orang Siam dan juga Cina menjadi mangsa bunuh. Tambahan, ramai orang yang dibunuh di sini kerana kedudukan kampung berdekatan dengan sempadan Thailand kerana cuba melarikan diri daripada penjajahan Jepun. Ketika Perang Dunia Kedua, tentera Jepun memasuki Kota Bharu pada 8 Disember 1941, beberapa jam selepas Pearl Harbour di Hawaii diserang. Thailand yang pada mulanya cuba melawan tentera Jepun di sana, menandatangani kerjasama ketenteraan dengan Jepun pada 14 Disember 1941, di mana ia membenarkan Jepun menggunakan negeri itu untuk tenteranya masuk melalui jalan darat dan menjajah Tanah Melayu dengan mudah. Negara itu turut menjadi tempat pelarian mencari perlindungan terutama dari Kelantan kerana bersifat tidak memihak kepada mana-mana negara ketika peperangan meletus.

# KAJIAN LITERATUR

(Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015) Sejarah lisan adalah pencarian sumber-sumber berdasarkan pada sumber lisan atau disebut oral history.Metode ini sesungguhnya sudah lama digunakan.Orang pertama yang menggunakan metode ini adalah Herodotus,yaitu sejarawan Yunani yang pertama.Dia mengembara ke tempat-tempat yang jauh untuk mengumpulkan bahan-bahan sejarah lisan.Selain Herodotus,terdapat pula Thucydides yang mencari kisah kesaksian langsung para prajurit yang ikut berperang dalam perang Poloponesa. Penggunaan sejarah lisan di Indonesia dapat dilihat di Historiologi tradisional. Ciri adanya penggunaan sejarah lisan yaitu adanya kalimat "Kata Sahibul Hikayat", atau "Menurut yang empunya cerita", dan sebagainya.kalimat tersebut mengandung arti bahwa penulis historiografi tradisional mengumpulkan sumber-sumber melalui sumber lisan.

(Ahmad Nakid, 2016) Cerita rakyat adalah cerita pada masa lampau yang menjadi ciri khas setiap bangsa yang memiliki kultur budaya yang beraneka ragam mencakup kekayaan budaya dan sejarah yang dimiliki masing-masing bangsa. Contoh cerita rakyat yaitu Roro Jonggrang, Timun Mas, Si Pitung, Legenda Danau Toba, dan ber-Ibu Kandung Seekor Kucing merupakan sederetan cerita rakyat yang ada di Indonesia. Masih banyak sederetan cerita rakyat yang memang diperuntukkan bagi anak-anak. Sayangnya ada sebagian cerita rakyat yang bersifat kontroversial karena dianggap tidak layak untuk anak.

Nik Soh (2012) Kampung Bunohan adalah sebuah perkampungan terpencil yang kini terletak dalam daerah Tumpat, Kelantan mendapat nama berikutan satu kejadian pembunuhan ngeri yang berlaku pada tahun 1950 dulu. Walau bagaimanapun, kejadian berkenaan bukan dilakukan oleh penduduk dari kampung terbabit, sebaliknya dilakukan oleh penduduk dari daerah lain yang tidak diketahui tentang identitinya tetapi dilakukan di kampung tersebut. Mayat mangsa kemudiannya dihumbankan di sebuah sawah padi di mana di kawasan itu terdapatnya saluran longkang. Namun cerita sebenar Kampung Bunohan diberi nama daripada perangkap ikan yang digelar sebagai Bunohan.

## TRANSKRIP TEMUBUAL

| Petunjuk: |
|---|
| CHESOH: Che Mud Che Awang<br>DS: Dewi Setiani Bt Joepri |

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**DS** : **Assalamualaikum warahmatullahitaalawabarakahtu, pertama sekali kami nak ucapkan terima kasih lah kepada pakcik sebab sudi di temuramah oleh kami, kami buat semua ini sebab mengadakan sesi temuramah ini untuk memenuhi salah satu subjek *oral history* [Pendokumentasian Sejarah Lisan] kami dari untuk menghabiskan program ijazah kami iaitu Pengurusan Sistem Maklumat di Uitm Kampus Machang lah, ok kita mula dengan latar belakang pakcik lah dulu, boleh kami tahu nama penuh pakcik *gapo* [apa]?**

Che Soh : Nama penuh pakcik Che Mud Che Awang.

**DS** : **Che Awang?**

Che Soh : Che Mud Che Awang.

**DS** : **Che Mud Che Awang. Orang kampung panggil nama pakcik nya, nama gelaran nya?**

Che Soh : Che Soh

**DS** : **Che Soh. L*oni* [sekarang] umur pakcik itu berapa?**

Che Soh : Umur *loni* (sekarang) *73* [tujuh puluh tiga tahun].

**DS** : ***73* [tujuh puluh tiga tahun]. Mana tempat *beranak* [dilahirkan] itu, di lahirkan di mana?**

Che Soh : Di lahir di *Laga Bato* [Telaga Bata] (ketawa)

**DS** : ***Laga Bato* [Telaga Bata] itu kawasan mana *Laga Bato* itu [Telaga Bata]?**

Che Soh : Dekat ini (ketawa) kawasan Tumpat.

**DS** : ***Kira* [maksudnya] kawasan Tumpat juga lah.**

Che Soh : *Ha* [ya] kawasan Tumpat juga lah.

**DS** : ***Ha*** **[ya]** ***Laga Bato*** **[Telaga Bata] ini kawasan Tumpat juga la.** ***Spital ko*** **[hospital ke] masa dulu** ***kea*** **[kan] klinik?**

Che Soh : *Takdop* [tiada] hospital, masa dulu bidan kampung. (kicauan burung)

**DS** : **Oh bidan kampung.** ***Laga Bato*** **[Telaga Bata] makna nya kawasan Tumpat juga lah** ***dop*** **[ye]?** ***Pahtu*** **[lepas itu] masa bila itu tarikh berapa haribulan maksudnya pakcik itu dilahirkan?**

Che Soh : Pakcik nak *oyap* [cakap] *takleh* [tidak boleh ].

**DS** : ***Tak*** **[tidak] ingat** ***ko*** **[ke]?**

Che Soh : *Mugo* [sebab] *muloh* [arwah] ayah itu dulu *kea* [kan] dia *tak caro lah mano* [tidak ambil kisah] mana tarikh *ko* [ke] *gapo* [apa] ke. Dulu dia bidan kampung.

**DS** : **Oh bidan kampung.** ***Kira*** **[maksudnya] dulu** ***takdop*** **[tiada] daftar mana-mana la?**

Che Soh : *Ho takdop* [ya tiada].

DS : ***Takdop*** **[ya tiada] daftar mana-mana.** ***Kira nye*** **[maksud nya] kalau buat pun** ***paka letak*** **[ikut masuk] la tarikh mana-mana** ***kira*** **[maksud nya] di** ***i/c*** **[kad pengenalan]** ***ko gapo ko gitu kea*** **[apa ke macam itu]?**

Che Soh : *Ha gitu* [ya macam itu].

DS : **K*ira*** **[maksud nya] kita** ***paka letak*** **[ikut masuk] la bila-bila nya?**

Che Soh : Ha ya. Kalau *kira* [maksud] dalam *ic* [kad pengenalan] itu *44* [empat puluh empat], tahun *44* [empat puluh empat].

DS : **Tahun** ***44*** **[empat puluh empat] dalam** ***ic*** **[kad pengenalan] itu,** ***kira*** **[maksud nya] tarikh** ***hok bena*** **[yang sebenar] kita** ***tak tahu*** **[tidak tahu] lah?** ***Kira*** **[maksud nya]** ***paka*** **[ikut] letak la bila-bila nya?**

Che Soh : Tarikh *hok* [yang] 44 [empat puluh empat] itu tarikh nak buat kad.

DS : **Nak buat kad. Kira [maksud nya] status pakcik loni [sekarang] ada** ***bini sore la*** **[isteri seorang la]** ***mok*** **[isteri beliau]** ***dop*** **[kan] nikah, status berkahwin la?**

Che Soh : Ho [ya] kekal *hok ni doh* [yang ni saja]. Dulu ramai (ketawa).

**DS** : **(Ketawa) dulu ada lah? (ketawa).**

Che Soh : *Hok* [yang] zaman muda *sore* [seorang]. *Pah hok ni hok* [lepas itu yang ini yang] nombor empat.

**DS** : **M*ek* [isteri beliau] ini *kira* [maksudnya] *hok* [yang] nombor empat?**

Che Soh : *Ho* [ya] (ketawa).

**DS** : ***Mek* [isteri beliau] nombor empat, kekal la *mek* [isteri beliau] ini?**

Che Soh : *Pasa kekal tu pasa* [sebab kekal itu sebab] ada anak, *hok* [yang] lain *takdop belako* [tiada semua].

**DS** : **H*ok* [yang] lain *takdop* [tiada] anak?**

Che Soh : Jadi *hok dulu ada sore* [yang isteri dahulu ada seorang anak ], *hok sama muda* [yang sama umur], masa muda dulu pakcik *bini dengan ore alik* [ berkahwin dengan orang sebelah] Thailand.

**DS** : **Orang *alik* [sebelah] Thailand ?**

Che Soh : Jadi apabila *suku tadi ambil ko dia lah hok sore* [selepas duduk berasingan anak diambil oleh isteri pertama] (ketawa) *takleh* [tidak boleh] pakcik lah.

DS : ***Kira mek ni ore kok ni lah* [maksudnya isteri beliau orang tempatan lah], orang tempatan lah?**

Che Soh : *Ho mek ore sini lah* [ ya isteri pakcik orang Tempatan].

DS : **Orang sini, orang Tumpat juga la *mek* [ isteri beliau] ini?**

Che Soh : *Ho Bunohan ni* [ya orang Kg Bunohan ini] Tumpat.

DS : **Mana pakcik sekolah mulo [dahulu] dapat pelajaran pertama lah?**

Che Soh : *Takdop* [tiada] sekolah pakcik.

DS : ***Takdop* [tiada] sekolah la *mulo nyo* [dahulu nya], *pahtu* [lepas itu] pekerjaan nya?**

Che Soh : Pekerjaan nya dulu pakcik buat padi lah, tanam padi.

DS : **Tanam padi?**

Che Soh : *Pah* [lepas itu] pakcik nya *ore menan* [orang yang suka bermain pelbagai aktiviti kebudayaan]

**DS** : **Orang mana pakcik?**

Che Soh : *Ore menan* [orang yang suka bermain pelbagai aktiviti kebudayaan] *rato gi main waye* [pelbagai tempat pergi bermain wayang].

**DS** : **Orang *lah kok nu* [yang disana]?**

Che Soh : Orang kampung ini juga, jadi *gi* [pergi] main *waye rato-rato* [pergi bermain wayang pelbagai tempat].

**DS** : ***Kira* [maksud nya] daripada dulu lagi lah *mace* [seperti] buat tradisi *hok* [yang] dulu- dulu, *mace* [seperti] main *waye gapo tu* [wayang apa itu semua]?**

Che Soh : Mace [seperti] pakcik pun belajar buat *jebok* [perangkap] puyuh itu dengan tok sedara itu umur *18* [lapan belas tahun] lagi.

**DS** : **Umur *18* [lapan belas tahun] lagi?**

Che Soh : Mainan *waye* [wayang] pun *duk* [duduk] main dalam itu lagi, *bereti sakat* [berhenti apabila] tua ni.

**DS** : ***Start* [mula] kenal itu umur *18* [lapan belas tahun] lagi lah?**

Che Soh : *Ho* [ya].

**DS** : ***Kira*** **[maksud nya] dulu pun *kijo* [kerja] buat padi *bele-bele* [sambil] main *waye gapo lah* [wayang apa lah] *gi ikut pokdara* [pergi mengikuti bapak sedara] lah?**

Che Soh : Dengan ayah sendiri buat padi *gapo* [apa].

**DS** : **Kenal dengan ayah *gapo* [apa] lah? *Kira* [maksud] nya buat padi itu kawasan Tumpat ini lah juga nya, kawasan kampung ini?**

Che Soh : Kampung ini.

**DS** : ***Takdop*** **[tiada] berhijrah ke mana-mana, *paka* [hanya] buat kampung ini lah?**

Che Soh : *Menan* [mainan] lah *rato pah* [pelbagai tempat sehingga] luar negeri mana pun.

**DS** : ***Kira*** **[maksud nya] *kijo* [kerja] sendiri lah *dop* [kan]? Bukan kata sektor swasta ke kerajaan *tu dop lah* [itu tidak lah]?**

Che Soh : *Ho dop* [ya tidak].

**DS** : **Kerja sendiri lah?**

Che Soh : Ya kerja sendiri.

**DS** : ***Start* [mula] nya buat kerja itu umur berapa? Dalam umur *18* [lapan belas tahun] ke?**

Che Soh : *Kijo tu kijo gapo* [kerja itu kerja apa]?

**DS** : **Emm *kijo itu* [kerja buat] padi itu, *start* [mula]?**

Che Soh : K*ijo* [kerja] itu padi, jadi *duk turut muloh* [duduk mengikuti arwah] ayah ni sejak umur *18* [lapan belas tahun] lagi.

**DS** : ***Kiro start* [maksud nya mula] itu dengan buat padi selalu *doh [dah]?***

Che Soh : *Mugo tok bini* [sebab tidak berkahwin] lagi (ketawa).

**DS** : ***Kiro start* [maksud nya mula] buat padi lah mula-mula *start kijoan* itu [mula dengan pekerjaan], *kira* [maksudnya] kenal padi *gapo* [apa] lah. *Selama mana* [berapa lama] pakcik *mace ikut ayah tu uat nane padi itu* [mengikuti ayah untuk menanam padi]?**

Che Soh : Jadi *lebih kure dale 5 tahun* [lebih kurang dalam lima tahun]

**DS** : ***Dale 5 tahun* [dalam lima tahun], lepas buat padi itu, pakcik buat *kijo gapo pulak lepas pade tu* [kerja apa pula lepas menanam padi]?**

Che Soh : Lepas buat padi itu, *tulah nane mugo kokse gitu lah, tane sayur gapo* [bercucuk tanam benda- benda lain, seperti tanam sayur].

**DS** : **Bercucuk tanam *lah dop* [kan], di tanah sendiri lah, *buke kato ambik upah nane kebun ore tu dop* (Che Soh menyampuk) [bukan kata ambik upah menanam di kebun orang lain kan]?**

Che Soh : *Heh dop* [ya bukan]. Buat kerja sendiri *jah* [ sahaja]

**DS** : **Buat kerja sendiri, *pah tu hasil* [lepas itu hasil nya] (Che Soh menyampuk)?**

Che Soh : Musim *tebaka pakcik tane tebaka dulu* [tembakau pakcik tanam tembakau dahulu].

**DS** : ***Kira hasil tu pakcik jual, kiro bekijo sendiri dengan nego gitu* [maksudnya hasil yang diperolehi pakcik menjual nya, bekerja sendiri dengan menjual hasil nya]?**

Che Soh : Ya.

**DS** : ***Pahtu kiro loni nyo kijo hok pakcik buat maso loni*** **[lepas itu, sekarang pakcik buat kerja apa]?**

Che Soh : Perangkap puyuh ini lah.

**DS** : **Buat kraf tangan lah,** ***kiro kraf tangan itu mace ore luar kenal lah, mace ore luar mace bayar untuk perkhidmatan pakcik buat perangkap puyuh itu*** **[maksud nya kraf tangan pakcik dikenali oleh orang di luar sana, mereka akan bayar perkhidmatan pakcik untuk membuat perangkap puyuh ini] ?**

Che Soh : *Dop buat untuk hok ore nok* [bukan, buat untuk orang yang menempah sahaja].

**DS** : ***Buat untuk ore nok jah*** **[ buat untuk orang yang menempah sahaja]**

Che Soh : *Loni banyak lagi itu ore nok* [sekarang banyak lagi orang yang nak].

**DS** : ***Kiro nyo buke pakcik buat tu pakcik letok keda buke lagu itu lah, kiro ore mari tempah dulu baru pakcik buat*** **[maksudnya pakcik bukan buat untuk dijual dikedai, tapi bila ada tempahan baru pakcik membuat nya].** ***Nama mok nyo gapo dia, nama sebenar mok ni*** **[nama isteri pakcik apa, nama sebenarnya dia]?**

Che Soh : Mak ni (tunjuk ke arah isteri beliau)

**DS** : ***Mok, bini pakcik ini* [mak iaitu merujuk kepada isteri pakcik]**

Che Soh : Che Fatimah

**DS** : **Che Fatimah?**

Che Soh : Bin Merah. Che Fatimah Binti Merah.

**DS** : **Binti Merah, hasil hubungan suami isteri pakcik ini *buleh berapo cahayo mato, anok* [boleh berapa cahaya mata iaitu anak]?**

Che Soh : Anak?

**DS** : **Hasil dari pernikahan ini, anak pakcik?**

Che Soh : Anak empat orang.

**DS** : **Empat orang, *kira masa tu nikah itu umur berapa,* [masa berkahwin umur berapa] dalam tahun berapa?**

Che Soh : Pakcik dengan dia {merujuk kepada isteri beliau] masuk *2* [dua tahun] *boh besar*, [banjir besar], *tak ingat da tarikh* [tidak mengingati tarikh tersebut].

DS : ***Hok banjir hok besar dulu ko* [banjir yang besar dulu ke], *hok tahun dulu-dulu lah* [tahun yang lama lah]? *Kira tarikh itu tok berapo nak ingat lah* [tarikh itu pakcik tidak dapat ingat ke]?**

Che Soh : (ketawa). *Bekali awak pun takdop lagi* [kemungkinan kamu pun tidak lahir lagi pada masa itu] (Dewi menyampuk)

DS : ***Takdop lagi raso mugo kito* [ya kami belum lahir lagi sebab kami]**

Che Soh : *Hok sulong pakcik umur setahun masa itu* [anak pertama pakcik umur setahun ketika berlaku banjir besar].

DS : **Nama anak sulong nya?**

Che Soh : Che Brahim

DS : ***Jate lah dop Che Brahim* [lelaki lah kan Che Brahim itu] ? Kira- kira umur dia *loni* [sekarang] dalam likungan berapa?**

Che Soh : *Nok oyap tokleh itu pakcik itu* [ nak cakap umur berapa itu tak boleh kerana tidak ingat ].

DS : **Ada ke dalam umur empat puluh?**

Che Soh : *Takut lebih heh, pasa buleh anok berapo da dia* [rasa nya tidak, mungkin lebih dari itu, kerana anak nya sudah ramai ].

**DS** : ***Kot lebih dia tu,anak sulong sendiri* [mungkin lebih dari empat puluh tahun la umur anak pertama pakcik sendiri].**

Che Soh : *Bini dia la buleh anok* [isteri dia yang melahirkan] (ketawa).

**DS** : ***Dia nyo tak beranok* [bukan anak lelaki pakcik yang melahirkan] (ketawa), *kiro nyo dia tu nikoh da lah, ado anok gapo lah dop*?[maksudnya anak lelaki pertama pakcik sudah berkahwin dan sudah mempunyai anak] ?**

Che Soh : Loni? [sekarang]?

**DS** : ***Ho loni* [ya sekarang].**

Che Soh : *Ho 7 orang da tu gak anok* [ya sudah mempunyai anak tujuh orang].

**DS** : ***Ado belako ko, ko jate ko tino ko, ko jate sajo*?[ada semua jantina ke, atau lelaki sahaja ke atau perempuan sahaja]?**

Che Soh : *Tno jate* [ perempuan dan lelaki].

**DS** : ***Anok dia itu berapo orang* [kesemua anak nya berapa orang]?**

Che Soh : Tujuh. *Ho nok bile hok jate, Che Brahim anok dia hok sulong nyo Ilias, Man, Fauzi, Wan, empat.* [ sedang mengira jumlah cucu daripada anak pertama beliau iaitu Che Brahim, yang mempunyai empat lelaki]

**DS** : ***4 jate tigo tino anok dia* [empat lelaki tiga perempuan anak kepada Che Brahim]. *Dia ni kiro loni buat kijo gapo ko masih mace sambung belajar lagi ko?* [Che Brahim buat pekerjaan apa sekarang, adakah masih sambung belajar lagi]?**

Che Soh : *Anok dia?* [anak dia ke]?

**DS** : **Dia sendiri, anak pakcik, *anok sulong* [anak pertama] pakcik sendiri?**

Che Soh : Che Brahim?

**DS** : ***Takut dia sambung belajar lagi ko kijo doh?* [Adakah dia masih sambung belajar lagi ke atau sudah bekerja]?**

Che Soh : *Kijo umoh batu je* [mengambil upah membina rumah orang lain].

**DS** : ***Kijo umoh batu* [kerja mengambil upah membina rumah], dia duduk kawasan dekat ni ke duduk jauh dari pakcik?**

Che Soh : Dia duduk Tumpat.

**DS** : **Kawasan Tumpat juga lah?**

Che Soh : *Duk dale Tumpat* [tinggal di dalam kawasan Tumpat] (ketawa).

**DS** : **Duk dale Tumpat juga, duk dale kelate jugok lah [tinggal di dalam kawasan Tumpat, di dalam Kelantan juga ye]? *Dia kijo pun dale ni jugok lah kiro uat umoh batu itu dale kampung* [dia kerja di dalam kawasan Tumpat, Kelantan juga la membina rumah didalam kampung]?**

Che Soh : *Ikut ore panggil lah uat umoh batu* [ atas permintaan orang yang ingin Che Brahim membina rumah mereka]

**DS** : ***Ikut orang panggil kira dale Kelate lah?* [atas permintaan orang di dalam Kelantan lah?]**

Che Soh : *Dia tubik koloh darjah 6 dia taksei ngaji tu gak, ho pahtu taksei ngaji keno kijo lah* [ dia habis darjah enam dia taknak sambung belajar ke sekolah menengah, disebabkan itu harus bekerja lah] (ketawa).

**DS** : ***Dia sekolah mula kawasan mana* [dulu dia sekolah kawasan mana]?**

Che Soh : Koloh sini jah [ sekolah di kawasan kampung ini sahaja].

**DS** : **Sekolah di Kg Bunohon juga la, samppai darjah enam sahaja sekolah? *Kiro tak dea habis la belajar tu dop* [maksudnya tidak sempat habis belajar?] *Pahtu dia terus ko kijo selalu* [lepas itu dia terus bekerja]?**

Che Soh : Di*a kato dia taksei* [ dia cakap tak nak belajar]

**DS** : **Dia kata dia *tak sei* [tak nak], masa itu dalam tahun 1990 ke 1980 masa dia tak nak belajar itu, dalam linkungan tahun berapa ?**

Che Soh : *Hok tu pakcik nak oyap tak leh* [pakcik nak cakap tak boleh]

**DS** : **Tak ingat ya?**

Che Soh : Pah loni tambah- tambah hok loni bekali tua bena da [tambah sekarang sudah tua, jadi pelupa ] (ketawa)

**DS** : **Tidak ingat, kira jumlah semua sekali itu berapa? *Cucu hok loni la, hok ada loni* [cucu yang ada sekarang] semua sekali?**

Che Soh : *Cucu hok nu tujuh* [ cucu kepada anak pertama ada tujuh]

| | | |
|---|---|---|
| **DS** | **:** | **Anak sulong ada tujuh kan?** |
| Che Soh | : | *Hok* [yang] nombor dua ada tiga, jadi sepuluh (ketawa) *pah* [dan] yang nombor tiga ni, empat, jadi empat belas. |
| **DS** | : | **Jadi empat belas semua?** |
| Che Soh | : | *14* [empat belas], *hok nu tok soh kiro lah, hok Thailand* [ yang duduk di Thailand tak payah kira lah ] (ketawa) |
| **DS** | : | **Yang Thailand tidak payah kira, kita kira yang sekarang (ketawa)** |
| Che Soh | : | Kira kawasan kita. |
| **DS** | : | **Ya kira kawasan kita, anak bongsu itu nama apa?** |
| Che Soh | : | *Tino* [perempuan] Nama Che Su |
| **DS** | : | ***Tino yang itu* [yang bongsu perempuan]. Che Su, umur sekarang?** |
| Che Soh | : | *Pakcik nak oyap tak leh, dia gini hok sulong tu dia tikah 6 tahu, 6 tahun , belako sore* [ pakcik nak cakap tak boleh, macam ini jarak antara umur mereka semua adalah enam tahun] |

**DS** : **Enam tahun sorang.**

Che Soh : *Jadi hok bongsu ini Che Su tak dop duk sini* [yang bongsu tidak ada di kawasan ini]

**DS** : ***Kira dia nikoh do ko dop lagi* [sudah berkahwin ke belum?]**

Che Soh : Boleh anak sudah

**DS** : **Sudah menikah lah?**

Che Soh : Tak ingat anak dia.

**DS** : **Maksudnya cucu itu tambah pula lah ke (ketawa).**

Che Soh : Campur dengan tiga [ tambah dengan tiga lagi] (ketawa)

**DS** : **Empat belas tambah tiga jadi tujuh belas (ketawa) *17* [tujuh belas] lah cucu semua sekali?**

Che Soh : *Ho hok Pulau Pinang nu tiga boleh anak* [yang tinggal di Pulau Pinang dapat tiga anak].

**DS** : ***Dia loni duduk mano* [yang bongsu duduk dimana]?**

Che Soh : Pulau Pinang, *ikut toklaki la mugo ore tino* [ ikut suami sebab orang perempuan].

**DS** : ***Sakni pakcik kato pakcik itu bini ramai dop, kiro sebab hok pakcik kekal dengan mok ini sebab utama dia bakpo* [tadi pakcik ada cakap yang pakcik berkahwin ramai, apakah faktor utama pakcik boleh kekal dengan isteri pakcik yang sekarang?]**

Che Soh : *Sebab nyo lagu ni bini sore takleh anok, pakcik nyo harto tak dop da, bue bini hok lain pulak, duk ngan dia ni setahun lekat ngadung boleh anok, jadi kekal la* [sebab nya isteri yang dulu semua tak dapat anak, tapi dengan isteri sekarang berkahwin setahun terus dapat anak.]

**DS** : **Jadi yang dulu tak ada anak lah?**

Che Soh : *Pokcik oyap da, aku lagi tak leh anak aku bini* [pakcik pernah cakap yang selagi tidak dapat anak pakcik akan berkahwin lain] (ketawa).

**DS** : **Siapa yang bagi dorongan kepada pakcik untuk berkahwin, ayah ke mak ke?**

Che Soh : Pakcik sendiri.

**DS** : **Inspirasi pakcik sebagai contoh yang terbaik untuk dijadikan teladan, ayah ke mak?**

Che Soh : *Pakcik nak oyap tak leh sebab orang tua pakcik tak caro, ikut pakcik* [ pakcik nak cakap tidak boleh sebab orang tua pakcik serahkan kepada pakcik semua untuk buat apa-apa sahaja]

**DS** : **Maksudnya dorongan datang daripada diri sendiri lah? Serba sedikit latar belakang pakcik ini ada anak empat, cucu tujuh belas lah** ***ye*** **[kan]? Perkahwinan pakcik diatur oleh keluarga ke macam mana ke pilih sendiri?**

Che Soh : Keluarga, orang tua. *Pakcik tak seko dia nok ko pakcik* (tak sangka isteri nya sekarang bersetuju untuk berkahwin dengan pakcik]

**DS** : **Pertama kali jumpa dengan isteri pakcik dimana?**

Che Soh : Jumpa di kampung ini juga

**DS** : **Masa orang tua atur kan perkahwinan pakcik dengan isteri pakcik yang sekarang, pakcik kenal ke tidak lagi isteri pakcik itu?**

Che Soh : Kenal.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2 LATAR BELAKANG BUNOHAN

**DS : Setakat ini kita sudah siap dengan latar belakang pakcik, kita nak masuk ke bahagian kedua pula, latar belakang kampung ini? Ceritakan serba sedikit tentang Kampung Bunohan, apa itu Bunohan sebenarnya?**

Che Soh : Kg Bunohan sebetulnya *supo pokcik oyak saknie, dia sebenarnya alak untuk membunuh ike* [macam pakcik cakap tadi, sebenarnya alat untuk membunuh ikan]

**DS : Kaitan pakcik dengan kampung ini, kira pakcik memang asal dari kampung ini la *dop* [kan]?**

Che Soh : Kaitan nya pakcik asal *Lago Bato* [Telaga Bata]. Dekat ini sahaja, jalan kaki sahaja. Sebab *Lago Bato* [Telaga Bata] ini dulu tiada telaga, telaga simen ke semua tiada. Jadi buat *sebutir* [sebiji] telaga dengan bata lekat lah nama Telaga Bata. Kampung ini dulu tiada nama, dia dulu tempat *lubuk gelung boyo* [dahulu tempat tinggal buaya] zaman dahulu, jadi apabila menanam padi, ikan datang di bedang mereka buat *blak* [alat untuk ikan] di lubuk untuk *sekat* [menahan] ikan, lekat lah dengan Bunohan. Orang luar buat alat ini.

**DS** : **Kampung Bunohan terletak di Tumpat lah *dop* [kan]? Keluasan kampung ini berapa?**

Che Soh : Pakcik *nak oyap tak leh* [ nak cakap tidak boleh]

**DS** : **Penduduk ramai juga lah?**

Che Soh : Ramai, *dia sekat lubuk tu kan ada balai polis ada taro jalan rayo tu dop jalan tar tu hok tu la Bunohan, sekat tar tu,pah alik sano tu Laga Bata pulak* [dari lubuk hingga jalan raya depan balai polis ialah kawasan kampung Kg. Bunohan dan di depan sana Telaga Bata pula].

**DS** : **Penduduk itu lebih ramai lah?**

Che Soh : Bersetuju (melakar arah jalan di atas papan rumah beliau).

**DS** : **Penduduk lebih ke dari dua ratus orang?**

Che Soh : Ya lebih, ini tempat pakcik duduk Bunohan Hulu, *start* [mula] jalan besar Bunuhon Hilir.

**DS** : **Dia terbahagi dengan dua lah, Bunohan Hulu, Bunohan Hilir?**

Che Soh : Dia kira jalan raya sebelah sana Bunuhon Hilir, sebelah sini Bunohan Hulu. (menunjuk arah)

DS : **Kampung ini mula dengan tahun bila, wujud bila?**

Che Soh : *Nak oyap tak leh, mugo ore tua tak cerito* [nak cakap tak boleh sebab orang tua tidak cerita] jadi *sokmo* [selalu] pak cik tanya *guano* [macam mana] Bunohan ini, *muloh ayah ini kato* [arwah ayah cakap] tempat orang bunuh ikan. Bukan orang sini orang Kg Puyuk cabang *empat* [4],yang buat tempat bunuh ikan.

DS : **Bukan kata orang asal dari kampung ini yang membuat perangkap ikan, maksudnya orang luar lah?**

Che Soh : *Jawab di ore sini kato ho lagu ni tempat bunuh ikan nyo* [Orang Kampung Bunohan cakap maam ini rupanya tempat untuk membunuh ikan]

DS : ***Kiro dio start ngan orang luar lah* [maksudnya orang dari kampung lain yang memulakan untuk guna perangkap ikan ini]**

Che Soh : Orang luar pun jajahan Tumpat juga. (Dewi menyampuk)

DS : ***Buke kato ore asal duduk netap sini dok lah* [maksudnya bukan orang yang menetap di sini] ?**

Che Soh : Dia buat pun dia pakat dengan orang sini [buat sama-sama dengan penduduk Kg Bunohan].

**DS** : ***Ado jugok la ore dale sini nyo* [penduduk kampung sini ada juga yang terlibat]?**

Che Soh : *Kalu takdok ore dale sini tokleh nyo maroh demo* (ketawa) (suara menyampuk) *Kg awak kalu g debe-debe nyo marah* [orang di sini tentu akan terlibat kerana orang kampung akan marah apabila orang luar menjadi samseng di kampung mereka]

**DS** : ***Kiro ore dale ni jugok la terlibat nyo.* [maksud nya penduduk kampung ini juga terlibat sama]. Sebelum kampung ini wujud, kawasan ini sawah padi *ko hute belukar ko gano*? [ke hutan belukar ke macam mana]?**

Che Soh : Hutan belukar *hute cere* [hutan tebal] *demo tebe-tebe semua tebah buat bende padi* [penduduk menebang semua pokok-pokok dan membuat kawasan hutan tersebut sebagai sawah padi].

**DS** : **Hutan belukar dulu baru orang buat bendang padi. Mula dengan bendang padi itu lah baru adanya penduduk-penduduk buat rumah. *Kira start dengan cucuk tanam la* [maksudnya penduduk disini memulakan pekerjaan mereka dengan bercucuk tanam] yang duduk dekat dengan kawasan itu?**

Che Soh : Asal orang Bunohan ini bukan asal sini juga (Dewi menyampuk) ore alik Kg Puyuk dia mari buat padi sini [orang sebelah Kampung Puyuk yang datang buat bendang padi].

**DS** : **Sumber pendapatan utama kawasan ini menanam padi lah penduduk kampung ini?**

Che Soh : Ya tanam padi dan sayur

**DS** : **Kampung ini kan Kampung Bunohan, ada ke program atau aktiviti *tok penghulu* [ketua kampung] anjurkan di kampung ini, contohnya aktiviti tahunan lah *hok sekalo duk buat untuk orang luar kenal* [yang biasa dilakukan untuk orang lain mengenali kampung ini]?**

Che Soh : Ada juga *macam* [seperti] panggil mesyuarat *ko ranow* [ke macam mana]?

**DS** : **Ya panggil mesyuarat dan gotong-royong.**

Che Soh : *Gotong royong kuat dale ni* [gotong royong sering dilakukan dikampung ini]. Tanam kampung apa.

**DS** : **Tanam kampung macam mana itu maksud pakcik?**

Che Soh : *Badi siap kampung la* [pertandingan menghias kampung paling cantik]. Kg Bunohan la yang dapat nombor *satu* [1] dulu nya.

**DS** : **Hias kampung lah maksudnya? Buat penghiasan rumah ke rumah. Maksudnya melibatkan orang luar juga ke macam mana?**

Che Soh : Banyak juga yang nombor *satu* [1] boleh, berapa puluh ribu boleh (sedang mengingati)

**DS** : **Dia macam *kalu kita alah koknu gak mace Gua Musang la, felda-felda buat hias rumah* [kalau sebelah Gua Musang seperti felda membuat aktiviti menghias rumah] maksudnya kampung ini ada juga lah buat hiasan rumah?**

Che Soh : Kampung ini buat pertandingan banyak juga dapat nombor *satu* [1], mainan wayang kulit pun dapat nombor *satu* [1], dikir barat pun Kg Bunohan, rebana Kg Bunohan, jebok puyuh pun Kg Bunohan.

**DS** : **Aktiviti ini ada selalu ke setiap tahun, seperti wayang?**

Che Soh : *Loni tak dop da* [sekarang tiada].

**DS** : **Dulu ada lah, tradisi yang dahulu lah? Sekarang tiada, cuama ada gotong-royong macam itu lah?(Che Soh menyampuk)**

Che Soh : Ya, *loni* [sekarang] ada wayang kulit di Kota Bharu.

**DS** : **Di Kota Bharu, maksudnya orang Tumpat juga lah yang buat?**

Che Soh : *Muloh tok guru tidak benarkan wayang kulit, menan,*[arwah Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak membenarkan wayang kulit di mainkan di kampung] untuk pelancong boleh la di Gelangang Seni (Kota Bharu) (Dewi menyampuk) kalau dia tidak benarkan juga disitu, orang luar dia tahu mainan ada di Kelantan, contoh mereka datang tapi tiada permainan, niat mereka datang nak lihat permainan tradisi, sebab itu permainan tradisi tidak boleh dihapuskan.

**DS** : **Nama kampung yang berdekatan dengan Kampung Bunohan ini apa?**

Che Soh : *Lago Bato* [Telaga Bata] dan Jembakar, Kampung Siam.

**DS** : **Jembakar ini penduduk Kampung Siam sahaja ke macam mana?**

Che Soh : *Sebelah lubuk alah gitu* (menunjuk arah) orang Kg Siam.

**DS** : **Yang ada Tokong Besar. Maksudnya orang *Siam* [Thailand] lah.**

Che Soh : Yalah orang Melayu kita tiada tokong (ketawa).

**DS** : **Kampung ini digelar Kampung Bunohan disebabkan perangkap itu sahaja lah?**

Che Soh Perangkap ikan itu sahaja, bukan bunuh orang. Orang Bunohan baik semua kecuali orang luar masuk buat jahat tidak tahu lah (ketawa).

**DS** : **Kira nya diberi nama disebabkan perangkap itu sahaja lah?**

Che Soh : Ya disebabkan perangkap ikan itu.

**DS** : **Di sebabkan orang buat perangkap ikan jadi lah nama Kg Bunohan.** ***Takdop ko benda-benda misteri berlaku di kampung ini, mace search dale internet ada berlaku peristiwa-peristiwa misteri.*** **[Ada ke benda-benda misteri berlaku dalam kampung ini contoh kami cari dalam laman sesawang ada yang mengatakan berlaku peristiwa misteri]?**

Che Soh : Misteri? Pakcik tidak faham itu.

**DS** : **Misteri yang melibatkan dengan nama Kampung Bunohan, kira *macam* [seperti] misteri pembunuhan zaman Jepun? *Macam* [seperti] bunuh ramai-ramai, kira betul ke terjadi *macam* [seperti] itu?**

Che Soh : Bunuh ramai-ramai pakcik nak *oyap takleh* [cakap tak boleh], kira lepas Jepun itu masuk, askar Siam itu masuk. Masa itu ada juga membunuh, sebab mereka datang buat jahat kena bunuh lah. Masa itu penduduk kampung lari tidak tidur dalam rumah, malam-malam lari dalam hutan, takut juga. Orang putih dan orang Jepun berperang. Tiada cakap membunuh orang.

**DS** : **Tidak membunuh orang, cerita sebenar nya adalah dari perangkap ikan itu sahaja lah? Macam mana pula cerita dalam filem Bunohan itu versi pertama macam cerita dalam filem Bunohan itu, macam Raja Siam kena bunuh?**

Che Soh : *Hok demo* [mereka] mari buat? *Hok demo* [mereka] mari berlakon tu? (Dewi menyampuk) *Tau pok cik tok gi* [ pakcik tak tahu pakcik tidak pergi].

**DS** : **Kiro itu buke versi cerito sebenar dio la [maksudnya itu bukan cerita sebenar nya]?**

Che Soh : *Dop tu crito dongeng* [bukan, itu cerita dongeng]. Dahulu Raja Siam dan Raja kita dahulu baik, iaitu dengan Raja Abdullah. Raja Abdullah suami kepada Puteri Saadong. Raja Abdullah sering menghantar bunga emas kepada Raja Siam.

**DS** : **Maksudnya mereka tidak bermusuh lah?**

Che Soh : Mereka tidak bermusuh. Sebetulnya perahu bunga emas itu untuk diberi kepada Raja Siam. Masa hubungan mereka baik, Raja Siam nak ambil Puteri Saadong untuk buat *bini ko dia* [isteri untuk dirinya] (bunyi ketukan). Raja Siam ambil Puteri Saadong pulang ke *Negeri Siam* [Thailand]. Puteri Saadong nak pulang ke pangkuan Raja Abdullah tidak boleh sebab Raja Siam sakit, menjadi kudis di tubuhnya, seluruh bomoh berubat tapi tidak sembuh dan akhirnya Puteri Saadong juga yang dapat menyembuhkan beliau dengan meminta air susu dari Puteri Saadong. (Dewi menyampuk)

**DS** : **Masa dia minta itu berhasil lah?**

Che Soh : Puteri Saadong cakap jika nak sembuh boleh tapi jangan apa-apakan diri nya, lepas siap berubat dan sembuh hantar dia pulang. Puteri Saadong ambil air susu letak di kudis Raja Siam dan Raja Siam sembuh (Dewi menyampuk) lepas sembuh, Raja Siam hantar Puteri Saadong pulang. Raja Abdullah tidak menerima Puteri Saadong keran dia berfikir Puteri Saadong curang dengan nya. Puteri Saadong ambil batu *tiga butir* [3 biji] pergi di *kuala* [sungai] untuk mencampak ke dalam sungai dan bersumpah selagi batu ini tidak *timbul* [muncul], maka tidak *timbul* [muncul] lah dia dan anak cucu nya. (Dewi menyampuk) *pakcik tokleh oyap* [pakcik tidak boleh cakap banyak] (menangis) (kicauan burung). Sampai bila-bila tidak muncul dan sebab itu lah Puteri Saadong menghilang sampai sekarang (Dewi menyampuk).

**DS** : **Maksudnya Puteri Saadong ini ada kaitan juga ke dengan kampung ini sebab Raja Siam?**

Che Soh : Dia asal Puteri Saadong ini bukan *alik* [sebelah] Siam, *dia orang sini* [Melayu], tempat dia Bukit Marak, tempat dia duduk. Puteri Saadong ini orang yang bertuah, sekarang kaum kerabat dia tiada lah, *paka ghaib gitu* [menghilang begitu sahaja] (kicauan burung) Raja siam dahulu tidak bermusuh dengan *raja kita* [Raja Abdullah], *orang putih* [British] ini baru sahaja, dia di dahului dengan Raja Abdullah. Pakcik tidak boleh cakap mengenai nya, nanti dia datang. (menangis), dia orang ghaib (Dewi menyampuk) waris dia ada mari sini [datang di rumah pakcik].

**DS** : **Mari umah pakcik [datang rumah pakcik]?**

Che Soh : Waris dia itu berumur *157 tahun* [seratus lima puluh tujuh tahun] (Dewi meyampuk) sepupu dia bukan waris. Dia nama Pok Kuen, kerabat dia nya Raja Tani, sebab pak cik boleh tahu sebab dia cerita, pakcik pun cerita juga lah, *tiyok sama tiyok* [menangis sama-sama]. Sedih jadi kecil hati sebab Raja Abdullah sangka Puteri Saadong ini jahat, orang yang bertuah (Puteri Saadong), nak jahat macam mana. (Dewi menyampuk). Itulah lebih kurang, lepas itu nak tanya apa lagi?

**DS** : **Pendapat pakcik tentang filem Bunohan yang mereka buat, cerita itu kan tidak betul?**

Che Soh : Pendapat pakcik salah lah, (Dewi meyampuk) tidak sepatutnya lah.

**DS** : **Kampung Bunohan tiada kaitan dengan Raja Siam, asal sebenarnya dari perangkap ikan?**

Che Soh : Ya tiada kaitan. Tiada *sabit* [membabitkan] dengan yang lain. (kicauan burung) (Dewi menyampuk).

DS : **Perangkap itu orang mula kenal dari zaman dahulu kan?**

Che Soh : *Jadi takdop benda ini duk buat lagu tu, pahtu ada orang mari buat ini buat perangkap ikan dia buat tebin gini dop* [melakar cara memasang perangkap ikan] [sebelum ini tiada perangkap yang dibuat sebegitu, ada orang luar yang datang membuat perangkap ini].

DS : **Alat yang digunakan untuk membuat perangkap ikan ini?**

Che Soh : Buluh.

DS **Boleh bertahan sampai bila, berapa tahun atau berapa bulan?**

Che Soh Ada yang sampai setahun dua tahun, dan lepas itu salin letak yang lain.

DS : **Bahan utama dia adalah buluh ke?**

Che Soh : Dari buluh.

DS : **Perangkap ini menjadi istimewa kerana dapat membunuh ikan dengan banyak kerana ikan tidak dapat lari kemana-mana apabila sudah masuk kedalam perangkap itu?**

Che Soh : Ikan masuk dalam itu tidak boleh *tubek* [keluar] (ketawa).

**DS** : **Dulu tidak guna pukat atau jala ke?**

Che Soh : Ya tiada, hanya guna perangkap ikan itu sahaja.

**DS** : **Cara lain untuk tangkap ikan ada lagi ke tidak?**

Che Soh : Dulu ada buat bubu, buat lompatan.

**DS** : **Itu cara *hok* [yang] kedua itu selain pada perangkap itu guna lompatan?**

Che Soh : Lompatan *pah* [selepas itu] buat bubu (Dewi menyampuk) bilah orang buat.

**DS** : **Lompatan ini kena letak tempat air *derah* [laju] ke *gane*[macam mana] lompatan ini?**

Che Soh : *Ha* [ya], tempat bila air ni kering dia nak turun dalam parit itu, dia pergi situ, kena lompat, tak lompat demo sekat dah (ketawa).

**DS** : **Cara kedua dia guna, lepas itu bubu *kabo* [cakap] (Che Soh menyampuk). Alat kedua lah itu?**

Che Soh : *Hok jame* [yang zaman] dulu cari makan *lagu* [cara] itu.

**DS** : **Cari duduk ikan begitu *dok* [kan]?**

Che Soh : Sekat *jame* [zaman] dulu.

**DS** : **Sekat?**

Che Soh : Pakcik pernah buat sekat itu.

**DS** : **Sekat itu dia alat untuk tahan ikan juga ke *gane* [bagaimana], sekat itu?**

Che Soh : Alat *igak* [tangkap] ikan lah, dia *rukuk* [tunduk], kan ada alat dia *rukuk* [tunduk], *igak* [tangkap] ambil.

**DS** : **Sekat begitu pula? Bukan kata kita pergi tahan letak *2* [dua], *3* [tiga] jam (Che Soh menyampuk) pakat itu lalu.**

Che Soh : Orang tua bawa pergi, letak raga atas belakang pergi cari. Tengah hari itu.

**DS** : **Sekat begitu pula. Macam lompatan ini kita tahan? Tahan serupa Bunohan juga?**

Che Soh : Lompatan ni juga, pagi-pagi kita ambil ikan.

**DS** : **Kira Bunohan itu, sesuai perangkap Bunohan itu sesuai letak waktu mana, masa mana, perangkap itu, kira pagi ke macam?**

Che Soh : Perangkap ikan?

**DS** : ***Ha*** **[ya] perangkap ikan itu kita sesuai letak masa mana, pagi ke dekat-dekat senja?**

Che Soh : Dia duduk situ sokmo [selalu] dah, sekat habis dah. Perangkap kering dalam bendang.

**DS** : **Ikut-ikut dan masa kita nak letak?**

Che Soh : Tak, duduk situ saja. Pagi-pagi dah pergi ambil ikan dalam itu.

**DS** : **Dia** ***takpe*** **[tidak apa] belaka lah letak masa mana pun, asalkan air tu ada, air parit?**

Che Soh : *Ha* [ya] asal ada ikan itu.

**DS** : **Kira pagi kita pergi tengok pula, letak situ saja tak angkat dah?**

Che Soh : Tak angkat dah. Duduk situ lah tempat, (Dewi menyampuk) pakat buruk situ saja, serupa Bunohan juga (ketawa).

**DS** : ***Lagu*** **[cara] itu. Ikan itu macam orang ini, orang kampung itu jual ke? Ke guna untuk makan, ke** ***gane*** **[bagaimana]?**

Che Soh : Ada banyak-banyak *demo* [mereka] tak beli *demo* [mereka] jual (Dewi menyampuk) *jame loni* [zaman sekarang] banyak *demo* [mereka] jual.

**DS** : **Kalau dulu makan?**

Che Soh : Itu jual kadang boleh makan juga *loni* [sekarang] kan banyak ikan *lagu* [macam] itu lah, banyak *hok demo* [yang mereka] pergi *nyocoh* [cara menangkap ikan] tak sedap ikan *lagu* [macam] itu. Ikan *hok* [yang] *nore* [cara menangkap ikan] juga sedap.

**DS** : **(Kicauan burung) Kita habis dah pasal perangkap ikan itu. Kita masuk pada cerita orang kata cerita zaman Jepun semula. Ada kisah tu orang kata kejadian cerita pasal bunuhan ramai-ramai sini, betul ke dongeng belaka, pendapat pak cik?**

Che Soh : Bunuhan ramai-ramai itu?

**DS** : **Macam bunyi kata orang Jepun itu dia mari sini dia bunuh penduduk kampung ramai-ramai *pahtu* [selepas itu] dia tanam *se* [satu] tempat. Kira tempat itu nya nama kampung ini. Kira betul ke *dop* [tidak], pendapat pak cik kalau cerita dulu?**

Che Soh : Salah. *Hok* [yang] pakcik tak tahu. Jadi Jepun tak bunuh.

**DS** : **Jepun mari sini, tapi tak bunuh?**

Che Soh : Jepun baik dia mari sini pun. Dia mari lawan nak memerintah, apabila lawan dengan *orang putih* [British] saja.

DS : **Bukan kata mari bunuh orang itu *dok* [tidak] lah?**

Che Soh : *Dok* [Tidak]. *Takdok* [Tiada] bunyi orang tua, *takdok* [tidak ada] cakap pasal ada bunuh, (suara menyampuk) Jepun *tebeng-tebeng* [paling pun], orang Jepun ambil orang kampung ini, dia ambil buat hantar pergi *glumo* [tempat berperang]. Ada juga dia pergi ambil.

DS : **Pergi hantar *glumo* [tempat berperang] ?**

Che Soh : *Hok* [yang] bunuh itu Jepun *takdok* [tidak ada] (kicauan burung).

DS : **Jepun mari sini itu, istimewa kampung ini nya sebab dia nak memerintah kampung ini lah?**

Che Soh : *Ha* [ya] dia nak memerintah Kelantan.

DS : **Nak memerintah Kelantan?**

Che Soh : Tidak kata Kg. Bunohan *dok* [tidak]. Seluruh lah (Dewi menyampuk) dalam Kelantan.

DS : **Kira kampung ini pun dia mari juga?**

Che Soh : Dulu. Dulu *orang putih kea* [British kan]. *Lah-lah orang putih* [akhirnya British] itu, Jepun mari serang dia nak memerintah dalam Kelantan ini bukan kata bunuhan setempat *dok* [tidak]. *Tok* [tidak] padan nak perang dengan *Bunohan* [Kg. Bunohan] sempit.

**DS** : **Kira mari juga lah kawasan ini. Jejak kaki juga lah orang kata.**

Che Soh : Dia mari ikut Tumpat, belah ayah ini *duk* [pernah] kerja dengan Jepun. Duk *mikul* [pernah memikul] kapur.

**DS** : ***Dea*** **[sempat] kerja lah belah ayah ini. Dia mari ikut Tumpat** ***mugo ye*** **[sebab Tumpat] dekat ikut Thailand** ***ko guano*** **[ke bagaimana] Jepun itu mari** ***gano*** **[bagaimana]?**

Che Soh : Dia mari, dia ikut laut. Kapal dia *loni* [sekarang] ada lagi di pantai (suara menyampuk) ada *api duk lah-lah* [lampu sedang berkelip-kelip], *api* [lampu] hijau itu *hok* [kepunyaan] kapal Jepun dulu.

**DS** : **Ada lagi.**

Che Soh : *Deme buh api* [mereka meletakkan lampu].

**DS** : **Bukan dia kata mari pakat dengan orang Thailand itu** ***gano*** **[bagaimana] nak menyerang bukan kata begitu?**

Che Soh : Jadi adalah sikit-sikit (Dewi menyampuk), jadi orang Thailand itu dia tak mari, cuma dia minta melalui (Dewi menyampuk).

**DS** : **Minta lalui?**

Che Soh : *Ha* [ya] minta lalu, jadi Raja Siam dia benar Raja Siam itu nak lalu boleh jangan *ngenat* [khianat] dalam kawasan *negeri* [negara] dia lah jangan.

**DS** : **Kira dia minta izin dengan Raja Siam dulu?**

Che Soh : Raja Siam *deme* [mereka] kata kena bunuh itu *hok* [yang] itu lah kisahnya.

**DS** : **Dia kena bunuh sungguh ke *guane* [bagaimana] Raja Siam itu?**

Che Soh : Jadi kakak pada Raja *hok loni* [yang sekarang] raja budak dulu.

**DS** : **Kena bunuh lah?**

Che Soh : Raja tak kena bunuh – hantar pergi ikut Amerika.

**DS** : **Dia kata kena bunuh.**

Che Soh : Pakat kata bunuh, bunuh orang lain.

**DS** : **Sebab Raja itu orang kata kena bunuh itu sebab Raja tak bagi laluan ke Jepun ke *guano* [bagaimana]? Ke ada masalah lain?**

Che Soh : (Bunyi ayam) Dalam undang-undang syarat *tak leh* [tidak boleh] benarkan jadi pasal dia dalam Raja Malaysia kita ini kan, kata kita *mugo* [sememangnya] dia baik. Jadi salah lah dia *bui* [beri].

**DS** : **Salah *alik* [belah] dia lah?**

Che Soh : Memang dia salah (bunyi ayam).

**DS** : **Kira *deme royak* [mereka cakap] orang Jepun itu bunuh Raja? (ketawa) Tapi sebenarnya *dok* [tidak] pun. Dia baik *dua* [Jepun dan Thailand] itu. Ada lah dia pergi hantar mana-mana begitu (bunyi ayam). Agak-agak lama ke Jepun itu mari kawasan ini untuk ambil (Che Soh menyampuk) memerintah itu?**

Che Soh : Pak cik nak *royak tak leh* [cakap tidak boleh] pun. Tak lama, dia memerintah tak lama (bunyi ayam).

**DS** : **Tak lama lah?**

Che Soh : Sebab orang putih pergi bom *negeri dia nuh* [negara Jepun sana] dia *surrender* [mengalah] lah kalau tak *surrender* [mengalah] habis *negeri* [negara] dia itu *orang putih* [British], *orang putih* [British] itu lari pada Malaysia kita kan nak pergi bom *negeri* [negara] Jepun itu (Dewi menyampuk) (bunyi ayam).

**DS** : **Pergi bom *denung* [di sana] lah?**

Che Soh : Orang dia lah – dulu *orang putih* [British] dulu dia buat askar dia *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha], orang *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha].

**DS** : ***Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha]?**

Che Soh : Orang nama *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] (Dewi menyampuk) *puak-puak* [askar-askar] dia itu *puak* [askar] *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] (Dewi menyampuk) asal, *hok* [yang] itu perang dengan Jepun itu dia buat askar dia. Ada *sekor dua hok* [seorang dua yang] itu Jepun pakat *pitas* [bunuh] (bunyi ayam).

**DS** : ***Panjat*** **[tentera Punjab dan Gurkha] nama dia. Masa Jepun memerintah sini *takde* [tidak ada] jadi *gapo* [apa-apa] ke penduduknya tidak kata kena bunuh ke kena seksa ke *takdok* [tidak ada] kata jadi *gapo sek* [apa-apa penduduk] dia nya?**

Che Soh : Jepun *takde* [tidak ada] buat seksa Jepun (bunyi ayam) (Dewi menyampuk) dia tak buat *tokleh* [seksa] dia – dia untuk itu *hok* [yang] dia buat *tokleh* [seksa] untuk perang dengan askar *orang putih* [British], *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] lah.

**DS** : **Dia perang musuh dengan *sek* [askar] itu saja lah.**

Che Soh : *Hok* [Yang] itu lawan dia. *Hok* [Yang] orang kita ini tak lawan dia.

**DS** : ***Orang putih*** **[British] itu mari juga sini untuk memerintah?**

Che Soh : Dulu *orang putih* [British] yang memerintah Kelantan kita ini (Dewi menyampuk) Portugis juga.

**DS** : **Kisah-kisah James Brooke dulu itu? (Che Soh menyampuk)**

Che Soh : Sebelum *Tunku Abd Rahman* [ Almarhum Tunku Abd Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri pertama] memerintah itu *orang putih* [British] dulu.

**DS** : **Kira Jepun dengan *orang putih* [British] berebut lah, macam nak memerintah Kelantan? (bunyi ayam)**

Che Soh : Jadi Jepun ini dia berebut dengan *orang putih* [British] nak memerintah.

**DS** : **Kira Jepun ini *takdok* [tidak ada] buat zalim ke penduduk kampung ini ke penduduk tempatan Kelantan, kira dia musuh dengan *orang putih* [British] saja lah, berebut dengan *orang putih* [British]?**

Che Soh : Dia lawan tapi *orang putih* [British] dia tak ambil orang kita sini buat askar dia (Dewi menyampuk) *hok* [yang] lawan dia ambil *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] saja. Orang *negeri Panjat* [negara India] (Dewi menyampuk). *Puak-puak* [askar] *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] kasar-kasar, merah-merah (mengiakan) patut buat perang dengan Jepun.

**DS** : **Jadi tak ambil orang kampung ini lah?**

Che Soh : Dia orang Malaysia *takde* [tidak ada] lah.

**DS** : **Nak kata guna orang Malaysia ke *gape dok* [tidak ada] lah?**

Che Soh : Dia orang putih dia barat dah (tertawa) orang kita ini nak dulu buang juga dia *halu tu* [macam itu]. Dia bom *negeri* [negara] Jepun, Jepun *surrender* [mengalah] kalah undur *orang putih kelik* [ British balik] dah semula. Apabila *orang putih kelik duk* [ British balik duduk] semula ini lama-lama timbulnya mengundi, lepas ke *loni* [sekarang] kan mengundi *dok* [kan] (Dewi menyampuk) undi nak boleh ke *Tunku Abd Rahman* [ Almarhum Tunku Abd Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri pertama] memerintah itu undi lah, kalah *orang putih* [British] menang *Tunku Abd Rahman* [ Almarhum Tunku Abd Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri pertama] orang kita ini, boleh ke *Tunku Abd Rahman* [ Almarhum Tunku Abd Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri pertama] memerintah.

**DS** : **Kiranya masa Jepun dengan British, *orang putih* [British] itu duduk berebut menang ke *orang putih* [British] juga?**

Che Soh : *Orang putih* [British] ambil *kelik* [balik] pula. Lepas bila waktu itu mengundi masuk, kalah lah *orang putih* [British], kalah *orang putih* [British] boleh lah ke orang kita (Dewi menyampuk) *orang putih* [British] buat perjanjian kalau ada susah *kok tu kok ni* [sana-sini] dia tarik balik itu pun mujur lah *hok* [yang] 13 Mei ke 12 Mei, ke 13 Mei? (Amira menyampuk) 13 Mei itu selepas janji dah *hok* [yang] berlaku. Kalau lain-lain *hok* [yang] perjanjian dia itu *orang putih* [British] ambil balik dah.

**DS** : **Masa Jepun dengan *orang putih* [British] duduk musuh kira berlaku juga lah bunuh-bunuh *sek* [pihak] sama *sek* [pihak] dia itu?**

Che Soh : *Ha* [Ya] bunuh itu *puak-puak* [askar-askar] orang Jepun dengan *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] lah.

**DS** : **Orang *Panjat-Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] itu *orang putih* [British] lah?**

Che Soh : *Orang putih* [British] buat askar dia.

**DS** : **Askar *orang putih* [British] lah. Kira musuh *sek-sek* [pihak-pihak] dia berlaku bunuh itu berlaku juga ke kawasan ini ke *gano* [bagaimana] , ada juga ke?**

Che Soh : *Takde* [tidak ada] pun kawasan ini, *kut-kut* [belah-belah] Tumpat *hok* [yang] mana *duk* [sedang] perang dengan dia *hok* [yang] itu saja kena senjata begitu.

**DS** : **Bukan kata kawasan kampung ini *dok* [tidak] lah kawasan Tumpat juga tapi tempat lain.**

Che Soh : Dia ada kubu *gapo* [apa] dulu buat ke orang *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] untuk lawan dengan orang Jepun, *loni takdo* [sekarang tidak ada] dah punah habis dah.

**DS** : **Kubu itu terletak mana kubu itu kawasan Tumpat mana kubu itu?**

Che Soh : *Boleh jatuh* [terletak] Tumpat di Kg. Baru *so* [satu] , banyak *butir* [kubu] lah dia buat letak di kuala. Dia ada *hok* [yang] laut naik kan, tengok pergi lah.

**DS** : **Nama tempat itu Kg. Baru, Tumpat lah nama tempat itu.**

Che Soh : Di Kg. Baru dalam itu, dekat *tulo* [sangat] lah kampung itu.

**DS** : **Bukan kata lah ikut Pengkalan Kubor *nuh* [sana] itu *dok* [tidak] ke kawasan dia dah, Kg. Baru kawasan Pengkalan Kubor lah?**

Che Soh : *Hok* [yang] jaga itu sekeliling saja lah, *puak-puak Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] duduk situ dapat kubu dia.

**DS** : **Ada juga lah macam duduk musuh *gapo* [apa] dua itu bunuh-bunuh *gapo* [apa] nya, ada juga peristiwa itu nya *hok* [yang] dulu *dok* [kan]. Kira mayat-mayat pun pakat duduk situ lah belaka nya?**

Che Soh : *Hok* [yang] itu pak cik tak boleh nak *royak* [beritahu] (ketawa). *Dok caro* [tidak ambil peduli] masing-masing orang kita ini lari (Dewi menyampuk) masa itu banyak lari pergi Thailand (Dewi menyampuk).

**DS** : **Orang tempatan lari?**

Che Soh : *Ha* [ya] orang tempatan. *Cekak* [larat] duduk main dengan peluru ini dia *mugo* [sebab] dia Thailand *dok* [tidak] minat.

**DS** : **Kira nya memang penduduk tempatan ini tak terlibat langsung lah dengan bunuh nya orang Jepun, *orang putih* [British] dulu nya (Che Soh menyampuk) dia lari saja lah.**

Che Soh : *Orang putih* [British] dia lari *hok* [yang] pak cik *royak sakni* [cakap tadi] lah kata sepupu Puteri Saadong ini, Pok Kuen dia malas orang sebut Raja ke dia. Dia kata dia *takleh* [tidak boleh] anak.

**DS** : **Dia keturunan Raja?**

Che Soh : *Orang putih* [British] ambil dia bawa lari (Dewi menyampuk) *orang putih* [British] ambil ini bawa lari sampai *so retok* [satu jambatan] dia bom *retok-retok* [jambatan-jambatan] putus *retok* [jambatan] (bunyi motor) dia lari dengan kereta api kan *orang putih* [British] sampai *retok* [jambatan] ini dia bom. Orang kata Pok Kuen ini lah *taruk* [letak] bom.

**DS** : **Dia lah *taruk* [letak] bom nya.**

Che Soh : Pak cik boleh cerita dia *royak* [cakap] nya. Dia Pok Kuen ini dia orang sekali dia dulu dia kena *tea* [pukul] dengan *orang putih* [British], dia puak-puak Tok Janggut di Kota Kubang Labu. Dia, pakcik boleh cerita nya *gini-gini* [macam ini] lama takut *takdok* [tidak ada] tak tahu lah dia duduk di sini *pastu* [selepas itu] duduk di Cherating.

**DS** : **Cherating? (Che Soh menyampuk) Kira ada lagi lah *loni* [sekarang] nya?**

Che Soh : Kalau *takde* [tidak ada] mari lama ini *takdok* [tidak ada] bunyi kata mati. Dia mari sini dia cari kerabat dia.

**DS** : **Nama dia Kuen? Ke nama dia *gapo* [apa]?**

Che Soh : Nama letak Kuen *gitu* [begitu] Pok Sueh (Dewi menyampuk) Sueh Semalaya.

**DS** : **Dia itu sepupu Puteri Saadong lah. Bila *last* [kali terakhir] pak cik jumpa dengan dia itu?**

Che Soh : Banyak tahun dah dia mari – dia mari kalau duduk *cara-cara* [mengambil berat] kalau duduk lama dia mari lah. (kicauan burung).

**DS** : ***Lagu* [seperti] itu. Kalau kita *cara-cara* [mengambil berat] hal dia itu tiba-tiba dia mari begitu.**

Che Soh : Dia boleh cerita lah pasal hal dulu, Tok Janggut kawan dia itu *mugo* [sebab] dia kali dengan Tok Janggut.

**DS** : **Kalau kita nak pergi cari dia ini tak jumpa?**

Che Soh : Pok Kuen?

**DS** : ***Ha* [ya]. Kalau kita masih nak pergi cari-cari dia ini?**

Che Soh : Cari dia – dia itu mudah jumpa jadi puak-puak dia, puak-puak Tok Janggut ini tak jumpa, *takleh* [tidak boleh] cari. Dia ada belaka lagi *demo* [mereka] itu, (bunyi motor) turun sembahyang setempat saja berjemaah, dia dalam Pahang tak tahu masjid mana.

**DS** : **Dia duduk Pahang?**

Che Soh : Dalam Pahang.

**DS** : **Cherating dia duduk dalam itu lah?**

Che Soh : Dalam Cherating, Pok Sueh *sakni* [tadi] duduk di Cherating. (Dewi menyampuk)

**DS** : ***Ngelast* [kali terakhir] itu agak-agak dalam *5* [lima] tahun dulu ke jumpa ke *2* [dua] , *3* [tiga] tahun ke bila *ngelast* [kali terakhir] jumpa dia?**

Che Soh : *Loni* [sekarang] ada ke tak *loni* [sekarang]. Dia *bini* [isteri] dia budak muda.

**DS** : ***Bini* [isteri] dia ada?**

Che Soh : Umur dia itu umur *seratus lima puluh tujuh* [157 tahun] dia mari haritu [hari sebelum itu]. Sekarang ini ada lebih dalam *seratus enam puluh* [160 tahun] lebih lah.

DS : **Masa dia mari jumpa pak cik itu masa itu umur dia *seratus lima puluh tujuh* [157 tahun], kira *loni* [sekarang] dalam *seratus enam puluh* [160 tahun] lebih begitu lah. Umur *seratus lima puluh tujuh* [157 tahun] dia panjang umur lagi lah ada lagi dia itu.**

Che Soh : Rambut dia saja putih, mata cerah, telinga dengar *molek* [sungguh] (mengiakan), gigi dia kukuh (Dewi menyampuk) kalau pak cik duduk jalan dengan dia, nampak tua pak cik (ketawa) dia jaga sungguh.

DS : **Dia mari sendiri ke dia mari orang mari hantar?**

Che Soh : Salasilah nya pak cik pergi jampi di *Impiana* [Impiana Resort, Cherating]. Pak cik duduk di *Impiana* [Impiana Resort, Cherating] *tak berapa segar* [tidak sihat] jawab kita pergi rumah ayah deh [ya] esok.

DS : **Duduk mana tadi pak cik?**

Che Soh : *Impiana* [Impiana Resort, Cherating].

DS : ***Impiana* [Impiana Resort, Cherating] itu mana?**

Che Soh : Dekat Cherating juga.

**DS : Kawasan Pahang *nu* [sana] lah.**

Che Soh : Kira lepas atas pada Kemaman (Dewi menyampuk) tengah jalan nak pergi Kuantan tengah-tengah itu lah Cherating nya. Pagi nya ini duduk *kecek* [cakap] dia nak mari rumah ini kata boleh (kicauan burung) duduk mari rumah ini, itu lah orang menuntut dulu. Tanya lah, pak cik tanya juga, "eh ayah lepas dulu dengan *loni lagu* [sekarang macam] mana?". "Serupa (Dewi menyampuk) ketika tua muda serupa ini". *Bini* [isteri] dia, pergi tanya - tanya Nik kata, "*bini* [isteri] ayah mana?". "Itu jual, duduk jual air, air the".

**DS : *Bini* [isteri] dia nya?**

Che Soh : Kita duduk kata ingat ke cucu dia (ketawa).

**DS : Muda benar. Dia nikah dengan *gewe* [perempuan] muda. Tak tahu nama *bini* [isteri] dia *gapo* [apa] ke pak cik tahu (geleng), tak tahu. Pakat tengok sekali begitu saja lah.**

Che Soh : Pak cik dengan orang *tino* [perempuan] tak cara. Kalau tidak musuh-musuh *gano* [bagaimana] pula jadi. Pakcik payah kalau *sabit* [berkaitan] dengan *tino* [perempuan], dengan *jantan* [lelaki] boleh lagi.

**DS : Kalau orang *tino* [perempuan] payah lah. Dia itu sendiri siapa ini Puteri, sepupunya Puteri Saadong tadi mari nya mari rumah pak cik mari sendiri ke ada orang mari hantar ke *gano* [bagaimana]?**

Che Soh : Pok Kuen?

**DS** : **Ya Kuen itu.**

Che Soh : Dia mari tanya orang.

**DS** : **Dia mari seorang dia lah?**

Che Soh : Dia mari seorang dia. Dia pergi sampai duduk di *negeri orang putih* [negara British] nak boleh sampai *kelik* [balik] mari dalam Kelantan berapa bulan. Bukan *orang putih* [British] hantar *kelik* [balik], *dok* [tidak]. Dia lari pada *orang putih kelik* [British balik] (suara menyampuk) dia *kelik* [balik] duduk satu tempat *2* [dua] bulan sebulan itu kerja-kerja boleh *pitis* [wang] sikit *kelik* [balik]. Kena tambang sendiri *mugo* [sebab] jauh, lekat Pok Sueh Semalaya. Semalaya dia ini (ketawa)

**DS** : **Pok Sueh Semalaya nama dia? Lekat nama itu?**

Che Soh : Pok Sueh Semalaya.

**DS** : **Pok Sueh Semalaya lekat nama dia nya keturunan Raja *dok* [kan]?**

Che Soh : Keturunan Raja Pattani (Dewi menyampuk) puak-puak Raja Pattani tak tahu kata dia ada lagi ke kata dia *takdok* [tidak ada].

**DS : Raja Pattani belah Thailand *dok* [kan] Raja Pattani *dok* [kan]?**

Che Soh : Raja Pattani duduk Thailand baru dulu, Raja Pattani itu hak Malaysia lagi. Dia dekat *nung* [sana] nya Thailand nya dekat situ luar di Yala itu hak Raja Melayu.

**DS : Pak cik kenal nya Kuen itu *sakni saing* [tadi kawan] ke kenal melalui mana kenal dia?**

Che Soh : Kuen ini? Jadi Pok Soh pergi *deknung* [sana] pergi duduk, Pok Soh pergi duduk *Impiana* [Impiana Resort, Cherating], Pok Soh duduk musik situ tempat orang minum, tempat orang makan lah. *2* [dua] bulan pak cik duduk situ.

**DS : Kenal jumpa kedai lah?**

Che Soh : Lepas pada itu nya, pak cik ini rasa panas tengah hari, hari minggu pak cik pergi jalan di bukit Gua Cherating. *Datuk* [penjaga] gua itu tegur pak cik, jadi pak cik jadi *bengong* [bodoh] jadi *nanar* [pening] tak berapa guna itu nak buat *lagu* [macam] mana. Jawab nya di Nik kata "begini lah kita pergi jumpa dengan orang tua lah", pergi jumpa dengan ayah. Petang itu pak cik pergi dia kata boleh pergi lah, jumpa dia duduk buat air tawar. Dia kata "*demo – demo* [penjaga] gua ini tegur anak ini kata".

**DS** : ***Start*** **[mula] begitu lah kenal dia nya?**

Che Soh : Lepas dia buat air tawar *gapo sakni* [apa sebentar tadi], rasa sedap lah *kelik* [balik] tidur duduk pak cik duduk di *Impiana* [Impiana Resort, Cherating] itu di asrama untuk *hok-hok* [orang-orang] pak cik, musik. Pagi esok Nik *royak* [cakap] pula kata "*abe lagu* [abang macam] mana ayah suruh pergi pula", kata "*bakpe* [buat apa] pula", "tak tahu pergi lah ayah duduk *nanar* [pening] pula dah" (ketawa). Kata pukul *lima* [5], empat [4] lah, kerja pukul lima [5] habis dah. Pergi lah, pergi beri salam dia kata "naik lah", naik. Dia kata *loni* [sekarang] ayah tak tahu *hok* [yang] anak pakai, tak tahu. Kata *gapo* [apa] nama ini. Wali ni sebut wali, teriak [menangis] lalu (bunyi angsa). *Takpe* [tidak apa] lah, Kata wali ikut mana, *hok* [yang] anak duduk pakai dia kata semua orang boleh, *pahtu* [lepas itu] nak buang kata *takleh* [tidak boleh], *takleh* [tidak boleh] buang dah.

**DS** : **Kena ke pak cik lah itu?**

Che Soh : Dia kata *takleh* [tidak boleh] nak buang. Tidak kena lah itu sebab pak cik, *hok* [yang] pak cik duduk beramal.

**DS** : ***Hok*** **[yang] pak cik sendiri?**

Che Soh : Pak cik sendiri. Lepas itu "mu nak kata tidak mu nak hak ini yang molek nya" kata. Kita orang Islam dalam zikir. Dia kata *takpe* [tidak apa] kalau nak guna, pak cik *tokse* [tak nak]. Dia kata *takpe* [tidak apa] lah.

**DS** : **Sebab itu kaitan dengan Kuen Semalaya itu tadi itu kaitan pak cik kes itu lah?**

Che Soh : Pak cik ini (Dewi menyampuk) dia kata nak pergi jalan rumah. Ayah nak pergi dengan kereta *molek* [elok] lah pergi saja lah.

**DS** : **Kira *hok royak* [yang cakap] pak cik tadi anak dia lah *royak* [cakap] ayah duduk *nanar* [pening] suruh pergi rumah pula itu?**

Che Soh : Anak angkat dia.

**DS** : **Anak angkat dia (bunyi angsa). Kaitan nya kes begitu lah. Pak cik pergi Pahang itu ada kerja *gapo* [apa] ke main?**

Che Soh : Alat musik pak cik, serunai (Dewi menyampuk) musik di tempat orang makan, *2* [dua] bulan duduk sana (kicauan burung).

**DS** : **Kes itu lah sebenar nya?**

Che Soh : *Loni* [sekarang] tua dah *tokse* [tak nak]dah tak *cekak* [larat] dah (bunyi ayam).

**DS** : **Kita nak rehat ke nak sambung pula sementara ini nak berhenti dulu ke *gano* [bagaimana]?**

Che Soh : Ada lagi ke?

**DS** : **Ada lagi dalam sejam. Ke sepakat nak sambung terus? (bunyi ayam)**

Che Soh : Ikut lah. Kalau nak sambung selalu pun boleh ke berehat *dea* [kalau] Asar kena berhenti.

**DS** : **Pak cik *takpe* [tidak apa] lah kalau nak sambung selalu?**

Che Soh : *Takpe* [tidak apa].

**DS** : ***Takpe* [tidak apa]? *Takpe* [tidak apa] kita sambung. Kira nya kaitan pak cik dengan Kuen Semalaya tadi kes pergi Pahang itu lah bertemu dia *gapo* [apa] itu?**

Che Soh : Jadi pak cik pun buat ayah lah ke dia. Dia pun buat anak.

**DS** : **Kita balik pada cerita zaman Jepun tadi *dok* [kan]. Kira cerita itu benarlah berlaku zaman dulu nya? Kira pak cik tahu lah serba sedikit fasal dia dulu lah (bunyi angsa). Kira cerita dia itu benar lah, ada lah sebenar nya?**

Che Soh : Kalau siapa dia kata Jepun bunuh orang kita, (Dewi menyampuk) *dok* [tidak]. *Takdok* [Tidak ada] (Dewi menyampuk), jadi mula-mula ayah *takde* [tidak ada] cerita itu kata kena bunuh, *hok* [yang] dia bunuh juga orang *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] askar *hok* [yang] orang dia.

**DS : Itu saja lah? Kisah *hok* [yang] benar-benar nya pasal Bunohan ini Bunohan ikan semata-mata bukan kata bunuh Jepun itu *dok* [tidak] lah. Kira cerita dalam *internet* [laman sesawang] itu semua dongeng lah belaka.**

Che Soh : *Molek* [Seeloknya] rakaman *demo* [mereka] pandai buat nya. Serupa *hok* [yang] buat – *hok* [yang] buat Raja Siam baru ini kan *hok demo* [yang mereka] buat filem *dok* [kan], pak cik tak pergi, pak cik tahu dah kata itu *hok menawok* [yang menipu] belaka, *demo* [mereka] memang cari *pitih* [wang] saja.

**DS : Masa – kira masa Jepun duduk balah dengan *orang putih* [British] itu penduduk kampung ini lari ke negara jiran lah negara Siam itu.**

Che Soh : Lari duduk ikut tepi-tepi itu lah tepi sempadan (Dewi menyampuk) bukan lari duduk tengah itu *demo* [mereka] nanti lari *kelik* [balik] pula. Apabila Jepun memerintah dah, *kelik* [balik] mari.

**DS : Berapa lama *sek* [penduduk kampung], jangka masa *sek* [penduduk kampung] dia itu lari? Penduduk tempatan, itu penduduk kampung lari.**

Che Soh : Tak lama, tak lama mana lah (suara menyampuk) sebentar, nak kata dalam, pak cik nak *royak* [cakap] tak berapa tahu lah tapi tak lama lah. Apabila Jepun duduk memerintah *orang putih takde kelik* [British tidak ada balik] mari dah.

**DS** : **Kira makan masa *setahun* [1], *dua* [2] tahun juga lah, macam begitu. Kira faktor disebabkan penduduk tempatan itu lari ke negara jiran disebabkan itu ke boleh perkahwinan *kacuk* [campur] makna nya orang kita pergi nikah dengan orang *alik* [belah] Siam, kira ada juga ke faktor sebab itu, kira orang kampung ini ada juga nama kampung Siam itu, ada juga ke faktor sebab itu?**

Che Soh : Sempadan dekat dengan sungai saja, dekat sangat nak pergi mari. Orang dia pun mari *alik* [belah] ini orang kita *alik nu* [belah sana].

**DS** : **Kira berlaku lah macam perkahwinan *kacuk* [campur] *gapo* [apa], berlaku juga lah faktor itu sebab pelarian, bukan pelarian orang kata lari sebelah *nu* [sana]. Pangkalan tentera Jepun tadi itu, Jepun buat di Kg. Baru itu lah pangkalan dia, dia ada pangkalan dia lah *gapo* [apa] kubu dia itu. Kg. Baru itu lah kubu dia *so* [satu] itu.**

Che Soh : Kubu itu kubu *hok orang putih* [yang British] buat.

**DS** : ***Orang putih* [British] buat bukan Jepun?**

Che Soh : Bukan. *Orang putih* [British] buat untuk perang dengan Jepun.

**DS** : ***Orang putih*** **[British] buat bukan kata Jepun buat *dok* [kan]?**

Che Soh : Apabila dia buat kubu dia itu, *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] duduk dalam itu lah. Dia rantai nak lari tak boleh dah (British menyampuk) rantai habis peluru, mati (ketawa) nak lari tak boleh dah *demo* [mereka] rantai *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha].

**DS** : **Kira *hok deme* [yang mereka] itu *orang putih* [British] itu guna kan dia untuk perang?**

Che Soh : Guna dia buat perang *orang putih* [British] rantai.

**DS** : **Kira dia mati tempat itu juga, mati tempat kejadian?**

Che Soh : Mati dalam itu, begitu lah *pacah* [kerat] tekak.

**DS** : **Bukan kata *orang putih* [British] dengan Jepun perang sama dia itu tidak, dia guna kan *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] itu guna kan orang.**

Che Soh : *Orang putih* [British] dia lari (ketawa)

**DS** : **Kira *orang putih* [British] ini cerdik lah dia guna *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] itu.**

Che Soh : Kata bodoh juga *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] itu (ketawa) (Dewi menyampuk) *demo* [mereka] kalau belah ayah cerita kalau *orang putih* [British] itu ada peluru banyak dengan *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha], *takleh* [tidak boleh] memerintah Jepun. Cerdik juga *orang putih* [British] ini, baik dia duduk perang dengan *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] sini, dia pergi bom negeri [negara] Jepun itu.

**DS** : **Dia bunuh *2* [dua] cara, *2* [dua] kaedah (ketawa). Dia letak *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha] sini, dia pergi bom Jepun itu (Che Soh menyampuk) cerdik juga dia kalau dia letak peluru banyak-banyak ke *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha], menang *alik* [belah] dia *dok* [kan].**

Che Soh : Itu Jepun *surrender* [mengalah] itu.

**DS** : **Kira nya kejadian bunuh tidak kata melibatkan negara *alik* [belah] Siam dengan Jepun itu tak ada lah kira Siam itu hanya bagi laluan saja ke Jepun (Che Soh menyampuk). Kaitan nya bagi laluan Thailand itu.**

Che Soh : Kerajaan Siam ini *mugo negeri* [sebab negara] dia sempit. Dia tak benar takut Jepun duduk serang *negeri* [negara] dia minta lalu bagi saja jangan duduk *ngenat negeri* [khianat negara] dia. *Negeri* [negara] dia kampung, *nyor butir* [kelapa sebutir] jumpa bayar.

**DS** : **Negara dia itu? Kira *takde* [tidak ada] langsung lah kejadian *gapo* [apa] ini kejadian bunuh melibatkan --.**

Che Soh : Dia Jepun banyak mati *alik* [belah] Siam (Dewi menyampuk) *demo dok* [mereka tak] tunggu.

**DS** : **Dia mati *alik* [belah] Siam, kira --?**

Che Soh : Dia macam ini, dia Jepun ini dia ambil *bini* [isteri] orang pun dia tak cara, ikut dia nak buat jahat.

**DS** : **Kalau *alik nung* [belah sana] dia buat jahat, kalau *alik* [belah] sini *dok* [tidak] Jepun itu?**

Che Soh : *Alik* [belah] sini pun ada juga Jepun dengan orang tino [perempuan], dia jahat.

**DS** : **Tapi jarang, jarang benar.**

Che Soh : Ada di Pengkalan Kubor boleh anak dengan Jepun ada, orang kita (Dewi menyampuk).

**DS** : **Ada? Jarang benar lah dia buat zalim di negara ini nya**

Che Soh : *Alik* [belah] Siam di Bukit Tanyo itu kadang-kadang dia naik dia beli pokok *nyor* [kelapa] itu, pokok *nyor* [kelapa] kenal lah orang negeri Kelantan *dok* [kan], kelapa dengan *nyor hok tulo* [kelapa yang sama] lah (Dewi menyampuk) dia beli pokok *nyor* [kelapa] dia *kerat* [potong] ambil dengan daun-daun dia tanam atas kapal dia (mengiakan), dia buat pulau tengah laut *gotu* [benda itu] *2* [dua] hari saja kering kecut (ketawa) *bo demo* [menyindir mereka] (ketawa).

**DS** : **Cerdik *alik* [belah] dia belaka *dok* [kan]?**

Che Soh : *Bolok* [bodoh](bunyi menukang). Lepas kali dia naik ikut Bukit Tanjung malam, *bini* [isteri] orang dia pegang kadang-kadang dia naik *3* [tiga], *demo* [mereka] pergi *3* [tiga] orang naik nya, bawa turun sebutir seorang *paras* [belah] bagi dia minum air, *parah* [belah] sekali, minum sekali air *demo* [mereka] pancung tekak dia. Kampung tepi pantai, jahat, *bini* [isteri] orang *gapo* [apa-apa].

**DS** : **Sebab itu lah pak cik kata *sakni* [sebentar tadi] Jepun banyak mati *alik* [belah] sana *nu* [di situ] kena *paras* [pancung] dengan orang Thailand *denung* [di sana] khianat *lagu* [macam] itu. (Che Soh menyampuk) Bukan kata Thailand dengan Jepun ini pakat nak musnah kan kawasan Kelantan ini *dok* [tak].**

Che Soh : *Dok- dok* [tidak].

**DS** : **Hanya bagi laluan?**

Che Soh : Bagi laluan saja.

**DS** : **Dia, Thailand itu bagi laluan ke Jepun itu sebab apa adakah Jepun itu bagi benda atau pun perjanjian *hok* [yang] istimewa ke Thailand ke *gano* [bagaimana]?**

Che Soh : Hok [yang] itu pak cik nak *royak takleh* [cakap tidak boleh]. Dia perjanjian dia *tokse* [tidak mahu] khianat negara dia saja.

DS : **Itu je dia bagi laluan tapi mu jangan khianat ke orang Kelantan.**

Che Soh : Dia masuk ikut Siam *dok* [kan], dia masuk ikut Siam ini Raja Siam dia janji dengan Raja Siam *royak* [cakap] ke dia kata begini "kalau mu nak lalu boleh jangan *ngenat* [khianat] dalam *negeri* [negara] aku".

DS : **Kira nya macam orang Siam bagi laluan ke Jepun itu memang *takde* [tidak ada] kaitan langsung lah dengan orang tempatan Kelantan ini, bukan kata orang dalaman Kelantan ini berpakat itu *dok* [tak] lah *takdok* [tiada] lah?**

Che Soh : Dia Jepun masuk dulu dia minta Raja Siam mari sini nak lawan *orang putih* [British] saja dia nak memerintah tidak nak anak tempatan ini *dok* [tidak] (suara menyampuk) dia nak ke *negeri* [negara], itu saja.

DS : **Kira orang *negeri* [negara] kita ini tidak ada kaitan langsung lah dengan *sek* [pihak] dia?**

Che Soh : Agak nya masa *orang putih* [British] kita dulu duduk dalam memerintah *orang putih* [British] itu saja lah. Dia bukan niat nak mari bunuh orang Islam kita ini *dok* [tak], Jepun.

DS : **Memang *takdok* [tidak ada] langsung orang tempatan kita ini terlibat dengan kejadian bunuh itu di kampung ini?**

Che Soh : *Takdok* [tidak ada]. Jadi *takdok* [tidak ada] lagi lah pak cik *hok* [yang] belah ayah *royak* [cakap]. *Hok* [yang] bunuh *gak* [kan], itu askar Siam ada juga bunuh (Dewi menyampuk) dia dalam itu undang-undang *takdok demo* [tidak ada mereka] mari duduk - duduk kucar kampung kita ini. Bunuh *demo etek* [mereka juga] dia jahat.

**DS** : **(Kicauan burung) Kira kawasan dekat dengan kampung ini masa Jepun memerintah itu kawasan dekat kampung ini pun *takdok* [tidak ada] buat *gapo* [apa] lah macam, kecuali masa Jepun dengan askar *orang putih* [British] itu *baloh* [bergaduh] masa itu lah *sek* [pihak] dia lari nya sebelum itu *sek* [pihak] dia *takdok* [tidak ada] buat *gapo* [apa] duduk kampung ini saja lah. Kira *takdok* [tidak ada] kacau *gapo* [apa] lah.**

Che Soh : Lari, tak lari *gano* [bagaimana] peluru tempuh belaka (ketawa).

**DS** : **Sebelum ini *takde gapo* [tidak ada apa] pun.**

Che Soh : Ikut *alik* [belah] Siam saja peluru. Dia duduk *gomo* [berperang] dengan orang *Panjat* [tentera Punjab dan Gurkha].

**DS** : **Kira penduduk kampung lain pun tak jadi *gapo-gapo* [apa-apa] lah?**

Che Soh : Telaga Buruk, Lata orang kita ini takut ke *gotu* [peluru] saja. Dia tak kenal siapa, tempuh belaka.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3 PENDAPAT DAN HARAPAN**

DS : **Kita masuk ke harapan pak cik lah pula, bahagian pendapat harapan. Fasal Jepun dengan Bunohan itu selesai dah, kita masuk ke bahagian pendapat harapan pak cik lah pula. Orang kata *gapo* [apa] ini, pendapat pak cik dari segi cerita *hok* [yang] kesan bunuh ramai-ramai di Jepun, di sini itu melibatkan Jepun itu *takdok* [tidak ada] lah kata melibatkan penduduk tempatan lah. Pendapat pak cik *gano* [bagaimana] kira cerita tu semata-mata dongeng lah?**

Che Soh : *Takdok* [tidak ada]. *Hok* [yang] orang tua - *royak dok* [cakap tidak] lah kata orang tempatan ini kena bunuh Jepun *takde* [tidak ada]. (kicauan burung) Jepun *hok* [yang] duduk bunuh pun puak-puak askar *orang putih* [British] saja lah (mengiakan). Dia bunuh *bakpe* [buat apa] rakyat *mugo* [sebab] dia nak *negeri* [negara] nya nak memerintah nak ke rakyat juga. (Dewi menyampuk) Bunuh rakyat *perabih pah* [habis lepas itu] nak buat *lagu* [macam] mana (ketawa).

DS : **Selepas daripada Jepun dengan *orang putih* [British] itu sudah memerintah *gapo* [apa] siap musuh *gapo* [apa], orang tempatan pun *kelik dok* [balik kan] (Che Soh menyampuk). Dia *kelik* [balik] lepas itu *gak* [lah] macam biasa lah hidup dia nya. Tanam, cucuk tanam [apa] lah.**

Che Soh : Dulu ketika apa itu kan ketika Jepun, *orang putih* [British] memerintah ini *takdo* [tiada] lagi *i/c* [kad pengenalan], gambar kad pengenalan.

**DS** : ***Takdok* [tidak ada] lagi?**

Che Soh : *Takdok* [tidak ada]. Surat beranak *gapo* [apa] itu tak cara dah mana orang tua dulu. Beranak dengan tok bidan kampung, hospital pun *dok* [tidak].

**DS** : **Zaman dulu *dok* [kan] (mengiakan). Tarikh *gapo* [apa] itu pakat letak saja lah, *takde* [tidak ada] ingat *takde gapo* [tidak ada apa]?**

Che Soh : Kadang-kadang *dok* [tidak], kakak dengan adik itu tua - tua adik pun ada (ketawa)

**DS** : ***Takdo gapo, takdo* [tidak ada apa, tidak ada] teknologi *takdok gapo* [tidak ada] nak letak *dok* [kan]. Pengurusan dia itu *takde gapo* [tidak ada] lagi, nak rekod fasal *gapo-gapo takdok* [apa-apa tidak ada].**

Che Soh : Jadi *hok* [yang] boleh tahu *hok* [yang] macam pak cik ini kan, kira-kira itu tua adik dalam *i/c* [kad pengenalan] (Dewi menyampuk) *tekpun takpe* [dah itu tidak apa] lah *mugo* [sebab] tahu tarikh tahu itu adik kita (mengiakan). Dia kata d*emo* [mereka] dua ini *lagu* [macam] mana, mana adik mana kakak (ketawa).

**DS** : **Kira pakat letak saja lah?**

Che Soh : Pakat letak. Dulu senang mudah tidak serupa *loni* [sekarang]. *Loni* [sekarang] kalau *alik* [belah] sana kena buat gambar *takleh* [tidak boleh], susah.

**DS** : **Susah lah. Dulu mudah *dok* [kan]. Pakat masuk begitu saja dulu nya. *Loni* [sekarang] payah dah.**

Che Soh : Dia ada berlaku, dia alik *Siam* [Thailand] mari buat *i/c* [kad pengenalan] sini. Dia buat *mugo* [sebab] balik sini, dia *kelik alik* [balik belah] sana.

**DS** : **Semata-mata mari sini nak kerakyatan lah orang panggil *lagu* [macam] itu?**

Che Soh : Dia *lagu* [macam] ini, macam nak kata mudah negara dia *dok* [kan]. Macam pak cik duduk Siam *dok* [kan], pak cik mari buat *i/c* [kad pengenalan] sini, lahir tempatan sini *dok* [kan] (kicauan burung), pada duduk sini pak cik, siapa kuasa jahat itu, mencuri merompak, menyamun *demo* [mereka] buat-buat begitu *demo* [mereka] lari *kelik* [balik]. Kerajaan kita nak ambil mana.

**DS** : ***Demo* [mereka] guna lah?**

Che Soh : *Demo* [mereka] guna.

**DS** : ***Demo* [mereka] buat kerakyatan sini, *demo* [mereka] curi, menyamun *demo kelik* [mereka balik] pula.**

Che Soh : *Sabit* [kaitan] dengan kerajaan kita *loni* [sekarang] kan dia tak benar buat *i/c* [kad pengenalan], payah sikit, sebab itu.

**DS** : **Dia salah guna kuasa, benda *hok* [yang] ada dekat tangan dia itu, dia salah guna *dok* [kan]. Lepas itu, balik kepada cerita filem Bunohan tadi *dok* [kan], cerita itu kan sama sekali bercanggah dengan cerita sebenar nya Kg. Bunohan, pendapat pak cik dengan harapan pak cik kalau ada berlaku lagi, ada lagi orang nak buat fasal cerita itu, pendapat pak cik *guano* [bagaimana], pendapat pak cik?**

Che Soh : *Hok* [yang] pak cik kata betul lah, *hok* [yang] buat lepas dah, jadi nak mudah ke kampung ini (Dewi menyampuk)(ketawa) jadi duduk sebelah luar Kg. Bunohan ini orang luar takut (mengiakan) tempat pembunuhan orang, tempat bunuh.

**DS** : **Macam orang baca pun, tengok pun cerita itu macam memikir bunuh sungguh, macam *demo* [mereka] memikir pelik lah, fikir kokse [bukan-bukan], padahal cerita sebenar nya pasal perangkap saja. Orang fikir ikut lain.**

Che Soh : Orang Bunohan ini kan, orang sini baik orang luar mari *demo* [mereka] tak cara mana, jangan duduk kucar, khianat saja, setakat mari nak tumpang buat kerja *gapo takpe* [apa tidak apa]. Kalau *hok* [yang] buat jahat sungguh, kalau sebut Bunohan orang luar masuk, sebut bunuh *dok* [kan]. Perangkap ikan itu saja lah.

**DS** : **Kira pendapat pak cik nya, se *molek-moleknya* [elok-eloknya] tak payah buat cerita pasal benda-benda lagu itu *dok* [kan]. Baik cerita benda asal lah (Che Soh menyampuk) cemar kampung ini, orang fikir anggap negatif lah kampung ini fikir *kokse* [bukan-bukan], orang anggap punah kampung ini.**

Che Soh : Dulu kalau sebut polis apa belah luar, sebut duduk Bunohan dia orang *tokse* [tak mahu] tempat pembunuh orang, takut kena bunuh lepas ke dia.

**DS** : **Orang tak tahu cerita sebenar, dia orang takut.**

Che Soh : Kalau polis mari duduk *loni* [sekarang], polis diam (bunyi orang bertukang).

**DS** : **Kita orang lah, macam mula-mula mari tengok kampung ini, Kg. Bunohan macam anggap kampung ini Bunohan mesti banyak sejarah, ada ke macam perang Jepun, jadi orang luar pun anggap macam kita orang lah. Macam benda ini *yolo* [betul] ke, macam, buat macam harapan orang itu nak tengok tempat bunuh itu mana, padahal benda itu *dok* [tidak] pun kan.**

Che Soh : Pak cik boleh *royak* [cakap] tempat bunuh lubuk lah (Dewi menyampuk) (ketawa) bunuh ikan itu saja.

**DS** : **Tidak kata duduk bunuh orang itu, *dok* [tidak] lah?**

Che Soh : Tak.

**DS** : **Kira anggapan itu semua menipu lah dongeng, bukan cerita sebenar?**

Che Soh : *Demo* [mereka] berlakon itu *gak* [kan] (Dewi menyampuk) lepas pada itu budak-budak ada *tubek* [keluar], dia kata ada boleh *lima puluh ya* [RM 50.00] sebab pergi bersorak dekat pergi van terbakar (ketawa)

**DS** : **Masa terbakar itu kan, budak itu tukang sorak itu.**

Che Soh : Kata pergi pakat *menawok* [menipu] (ketawa).

**DS** : **Kira *pah* [sampai] kepada budak-budak asal kampung ini pun jadi tumpang pergi juga, tumpang sorak.**

Che Soh : Boleh *pitih tiga puluh ya etek* [wang RM 30.00 juga] seorang demo [mereka] nak buat bilang, lepas itu tumpang *menawok* [menipu] belaka (Dewi menyampuk). Baik aku tak *tubek* [keluar], aku tahu dah.

**DS** : **Kalau macam pak cik *tubek* [keluar] juga, tambah-tambah orang tahu orang lama *koho* [semakin] kuat dia guna ke *sek* [pihak] dia dok?**

Che Soh : Datuk itu mari *menawok* [menipu] juga (ketawa).

**DS** : ***Koho* [semakin] kuat dia guna ke *sek* [pihak] dia *dok* [kan]. Kira se *molek-molek* [elok-eloknya] nya kekal dengan cerita sebenar dia lah Kg. Bunohan itu, se *molek-molek* [elok-eloknya] nya. Pendapat pak cik *gapo* [apa] (kicauan burung) cara *hok* [yang] se molek-molek nya nak kekal kan cerita fasal Kg. Bunohan ini, bukan kata nak melibatkan cerita fasal filem itu *dok* [tidak], se *molek-molek* [elok-eloknya] nya kita nak war-war kan dalam kampung**

Che Soh : Dalam Kg. Bunohan ini, dia nama itu kan, dulu ketika arwah mula *Tun Razak* [Almarhum Tun Abd Razak Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama] ini dia alih pak cik tak ingat nama kampung ini di alih, tak lekat, lekat Bunohan.

**DS** : **Dia lekat Bunohan juga?**

Che Soh : Lekat Bunohan juga (mengiakan) *Tun Razak* [Almarhum Tun Abd Razak Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama] jadi perdana menteri masa itu kan, ayah kepada *Najib* [Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri ke-6] *loni* [sekarang] kan, dia *hok* [yang] bagi nya, dia mari letak, pak cik tak ingat nama dia letak, tak kekal. *Demo* [mereka] kata tak boleh ubah hak asal, kalau ubah jadi *lagu* [macam] lain terlibat. Jadi rakyat tak berkenan (ketawa) kali bukan kata jahat dia kata (Dewi menyampuk) perangkap ikan, kalau *hok* [yang] jahat sungguh berkenan lah nak ubah nya itu saja.

**DS** : **Se *molek-molek* [elok-elok] nya kalau orang luar nak tahu itu *gak* [kan], mari tanya sendiri lah *asasilah* [salasilah] kampung ini *dok* [kan], tak payah kata baca mana-mana, tak payah dengar cerita dari mulut ke mulut.**

Che Soh : Hari itu orang *tino* [perempuan] juga mari, berdua juga mari. Pak cik *royak lagu* [cakap macam] itu juga, tak payah takut lah, bukan bunuh orang. *Pah* [sampai] dalam air tempat bunuh orang itu, *bakpe* [kenapa] tak sebut Bunohan nya tempat Kuala Lumpur mana ada bunyi tempat Bunohan dalam *tv* [televisyen] Malaysia bunuh-bunuh.

**DS** : **Kira pendapat pak cik nya baik mari dengar cerita sebenar lah.**

Che Soh : *Hok* [yang] asal Bunohan, bunuh ikan lah.

**DS** : **Kalau pada masa akan datang *dok* [kan], *gapo* [apa] usaha pak cik nak buat agar supaya cerita sebenar Kg. Bunohan ini, orang tak lupa lah macam orang ingat *sokmo* [selalu], usaha?**

Che Soh : Pendapat pak cik nya tak kait dah nama itu, *pah* [sampai] ke anak cucu-cicit itu sebut Bunohan.

**DS** : **Kira ada juga pihak luar itu nak mari tukar nama kampung ini lah, maksud pak cik?**

Che Soh : Dulu nya tukar nama, ketika *Tun Razak* [Almarhum Tun Abd Razak Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama] mula nya.

**DS** : **Baik tak payah tukar lah.**

Che Soh : Tak tukar lah. Kekal dah. Pak cik tak tahu lah kalau *demo* [mereka] lain takut nak ubah pula. Kalau ubah Kg. Bunohan, nak ubah kampung lain.

**DS** : **Tak sesuai?**

Che Soh : Tak sesuai.

**DS** : **Sebab dia terkenal dengan Kg. Bunohan *dok* [kan]? Kiranya perangkap *hok* [yang] digunakan itu, (kicauan burung) kira menjadi simbol supaya kampung ini sentiasa, orang kata ingat nama Kg. Bunohan lah perangkap itu salah satu simbol untuk ingat. Kira orang luar *dok* [kan], sebelum-sebelum ini macam dia tak tahu cerita sebenar fasal kampung ini, orang duduk anggap kampung ini fasal bunuh ramai-ramai. *Gapo* [apa] pendapat pak cik itu biar orang luar itu ubah fasal bunuh ramai-ramai, biar orang akan ingat kampung ini hanya berlandaskan perangkap Bunohan semata-mata. *Gapo* [apa] pendapat pak cik?**

Che Soh : Itulah, kalau orang *royak* [cakap] pakcik kata itu lah perangkap untuk ikan saja *takde* [tidak ada] bunuh-bunuh orang. Bunuh orang itu salah, salah orang *dok* [tak] buat lah, orang khianat belaka, dia duduk buruk kan kampung. Padahal orang Kg. Bunohan ini orang baik, tempat bunuh orang ini orang jahat.

**DS** : **Orang jahat .**

Che Soh : Pendapat pak cik kan kampung ini kan *takleh* [tidak boleh] alih (Dewi menyampuk) kekal.

**DS** : **Orang luar sekali pun memang *takleh* [tidak boleh] alih?**

Che Soh : *Ha* [ya], tanya nak pergi mana, pergi Bunohan. *Hok* [yang] pak cik duduk Kg. Bunohan, lepas itu orang pergi cari pak cik kalau alih kampung kan, tak *temu* [jumpa] lah.

**DS** : ***Yolo*** **[betul] da, memang tak** ***temu*** **[jumpa] kalau alih** ***dok*** **[kan].**

Che Soh : Ini pak cik duduk Bunohan *dok* [kan], kalau pak cik beralih duduk kampung lain, *demo* [mereka] cari di Bunohan, tak *temu* [jumpa] dah.

**DS** : **Kira kalau macam ada orang luar nak siarkan cerita sebenar ini, pak cik setuju** ***dok*** **[tak] macam ada orang nak buat cerita sebenar fasal cerita ini?**

Che Soh : Cerita *hok* [yang] pak cik ini?

**DS** : ***Ha*** **[ya] cerita** ***hok*** **[yang] pak cik ini.**

Che Soh : *Takpo* [tidak apa], pak cik setuju.

**DS** : **Pak cik setuju? Kalau nak siarkan dalam, macam** ***loni*** **[sekarang] kan orang main dalam laman sosial, macam main dalam internet** ***online gapo dok*** **[laman sesawang apa kan] orang nak buat blogger** ***gape*** **[apa] ke nak cerita fasal kampung ini dalam** ***internet*** **[laman sesawang] untuk pengetahuan orang ramai pak cik setuju lah, kira untuk mengekalkan cerita sebenar kampung ini?**

Che Soh : Jangan burukkan kampung ini, (Dewi menyampuk) *takpe* [tidak apa].

**DS** : **Pak cik setuju lah?**

Che Soh : Pak cik setuju.

**DS** : **Kira nya lepas kami ini buat temu ramah ini, kami akan cetak cerita ini dalam bentuk buku, pak cik nak simpan ke salinan, ke pak cik nak buku itu. Contohnya untuk orang tengok, untuk macam pak cik kan mesti *student-student* [pelajar-pelajar] mari tengok, pelajar luar mari tengok *gapo dok* [apa kan], pak cik nak ke salinan itu? (mengangguk setuju)**

Che Soh : Pak cik ini orang rata-rata mari, *pah* [sampai] orang Amerika (Dewi menyampuk) mari ambil *jebok* [perangkap], perangkap puyuh itu.

**DS** : **Dalam masa buat kraf tangan itu boleh cerita asal usul *dok* [kan], *mugo demo* [sebab mereka] bunyi Kg. Bunohan itu pelik (ketawa).**

Che Soh : Takut *demo* [mereka] gerun nak mari, awak tak rajin tengok lagi perangkap puyuh?

**DS** : **Dalam itu *sakni* [tadi] ke? Tengok dah baru ini. *Loni* [sekarang] kita nak pergi tengok perangkap Bunohan *hok* [yang] betul, ada lagi *dok* [kan]?**

Che Soh : Ada kena pergi dengan kereta.

**DS : Boleh, kita pergi dengan kereta. Untuk persoalannya, setakat ini nya, setakat itu lah persoalan kami temu ramah ini. Terima kasih lah kepada pak cik bagi kerjasama untuk kami menemu ramah pak cik, lepas ini kita boleh pergi ke perangkap, tempat kejadian perangkap Bunohan itu, boleh *dok* [kan] (Dewi menyampuk). *Ha* [ya], perangkap ikan itu kita pergi situ lah lepas ini. Boleh? terima kasih pak cik *deh* [lah], terima kasih banyak-banyak.**

TAMAT BAHAGIAN 3

# RUJUKAN

Http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html. (n.d.). Retrieved June 08, 2016, from http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html

Guru lia. (n.d.). Retrieved July 24, 2015, from http://gurupintar.com/threads/apa-yang-dimaksud-dengan-cerita-rakyat-dan-ciri-cirinya.143/

# INDEKS

**A**

Amerika 41

**B**

Bom 42, 44, 47

Barat 44

**J**

Jebok 7

**K**

Kraf tangan 11

Kubu 46

Kerabat 48

**I**

I/c 4, 66

**M**

Muloh 3

Musik 55

**O**

Oral history 1

**P**

Perangkap 29, 30, 33, 34, 35, 36, 37, 68

Panjat 42, 43, 44, 45, 46, 56, 59, 60, 64

Perjanjian 45

**S**

Surrender 60

Start 54

**T**

Thailand 5, 18, 28, 31, 40, 46, 53, 62

Televisyen 71

# LAMPIRAN

# LOG TEMUBUAL

Dewi Setiani Bt Joepri menemubual Che Mud Che Awang, yang dilahirkan pada 1944, di Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kg Bunohan, Tumpat, Kelantan mengenai asal usul nama Kg Bunohan.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG** | | |
| 0.00 | Ucapan penghargaan terima kasih kepada pencerita dan juga pengenalan kepada tujuan mengadakan sesi temubual yang dijalankan. | UiTM Kampus Machang |
| 0.30 | Pencerita menceritakan latar belakang mengenai dirinya,iaitu nama penuh,nama samaran,umur dan tempat dilahirkan, status perkahwinan, pelajaran,dan pekerjaan. | Che Mud Che Awang<br>Che Soh<br>Telaga Bata<br>Thailand<br>Bunohan, Tumpat |

| | | |
|---|---|---|
| 06.27 | Memberitahu nama sebenar isteri beliau, bilangan anak dan nama anak beliau dan juga bilangan cucu. Beliau juga menceritakan latar belakang anak pertama nya. | Che Fatimah Binti Merah<br>Che Brahim<br>Iliyas<br>Man<br>Fauzi<br>Wan<br>Tumpat<br>Kelantan<br>Thailand |
| 11.00 | Menceritakan perbezaan umur anak-anak beliau dan juga nama penuh anak bongsunya. Pencerita juga memberitahu sebab beliau berkahwin ramai dan kenapa beliau kekal dengan isterinya sekarang. | Che Su<br>Pulau Pinang<br>Telaga Bata |

| BAHAGIAN 2: ASAL USUL KG BUNOHAN | | |
|---|---|---|
| 16.00 | Pencerita menceritakan asal usul Kg Bunohan | Kg Bunohan<br>Telaga Bata<br>Kg Puyuk<br>Tumpat<br>Jembakar<br>Bunohan Hulu<br>Bunohan Hilir<br>Cabang Empat, Tumpat |
| 22.30 | Program dan aktiviti yang diadakan di Kg Bunohan | Gua Musang<br>Kota Bharu<br>Tumpat<br>Gelangang seni |
| 24.43 | Nama kawasan yang dekat dengan Kg Bunohan | Telaga Bata<br>Jembakar<br>Melayu<br>Siam<br>Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| 25.53 | Sebab mengapa Kg Bunohan digelar dengan nama yang sedemikian | Perangkap ikan |
| 26.38 | Peristiwa misteri yang berlaku di kampung ini | Kg Bunohan<br>Jepun<br>Askar Siam<br>Orang Puteh |
| 28.28 | Adakah cerita dalam filem Bunohan itu mengambarkan cerita yang sebenar terjadi di Kg Bunohan dan pencerita juga menceritakan kisah disebalik Raja Siam dan Raja Abdullah | Raja Siam<br>Raja Abdullah<br>Puteri Saadong<br>Thailand |
| 35.05 | Pendapat pencerita mengenai filem cerita Bunohan | Raja Siam<br>Puteri Saadong<br>Raja Abdullah<br>Kg Bunohan<br>Perangkap ikan |
| 36.12 | Pada zaman bilakah perangkap ikan itu mula dikenali, dimanakah boleh letak perangkap ikan dan apakah alat yang digunakan untuk membuat perangkap ikan dan bentuk perangkap ikan yang digunakan akan bertahan sehingga | Lubuk<br>Bunohan<br>Tv9<br>Buluh<br>Rotan<br>Parit |

| | | |
|---|---|---|
| | berapa tahun. | Sungai<br>Pukat<br>Jala |
| 44.28 | Pencerita memberitahu kaedah lain untuk menangkap ikan | Bubu<br>Lompatan<br>Bendang padi |

| BAHAGIAN 3: KAITAN JEPUN DISEBALIK NAMA KG BUNOHAN | | |
|---|---|---|
| 47.44 | Bertanya pendapat mengenai kisah zaman jepun yang membunuh peduduk Kg Bunohan dan apa yang berlaku kepada penduduk Kg Bunohan dengan kehadiran tentera jepun | Jepun<br>Burma<br>Kelantan<br>Thailand<br>Panjak<br>Tunku Abdul Rahman |
| 55.45 | Adakah kejadian bunuh membunuh berlaku ketika Jepun dan orang inggeris bermusuh | Tumpat<br>Kubu<br>Kg Baru<br>Pengkalan kubur<br>Thailand<br>Pok Kuen<br>Cherating |
| 69.45 | Pencerita menerangkah kisah sebenar nama Kg Bunohan diambil merujuk kepada perangkap ikan bukan disebabkan peperangan jepun | Raja Siam<br>Filem Bunohan<br>Negara Thailand |

| | | |
|---|---|---|
| 71.15 | Pencerita menerangkan penduduk kampung lari ke negara jiran disebabkan pergaduhan antara tentera jepun dan inggeris dan menjadi faktor perkahwinan campur kerana penduduk sempat menetap disana. | Kg Baru<br>Kubu<br>Thailand<br>Panjak |

| BAHAGIAN 4: PENDAPAT DAN HARAPAN PENCERITA | | |
|---|---|---|
| 78.57 | Pencerita menyatakan pendapat dan harapan beliau terhadap cerita yang sebenar mengenai asal usul Kg Bunohan | Orang tempatan<br>Kad pengenalan<br>Sijil lahir<br>Teknologi<br>Orang Siam |
| 82.45 | Pendapat pencerita mengenai filem bunohan yang mereka-reka cerita asal usul Kg Bunohan | Perangkap ikan<br>Polis<br>Jepun |
| 86.10 | Cara untuk mengekalkan asal usul nama Kg Bunohan | Tun Abdul Razak<br>Dato Seri Mohd Najib<br>Kuala Lumpur |
| 88.10 | Usaha pencerita yang boleh dilakukan untuk mengekalkan asal usul nama Kg Bunohan supaya masyarakat sentiasa ingat akan asal sebenar nama kampung ini | Kg Bunohan<br>Perangkap ikan<br>Simbol |

# BIOGRAFI TOKOH

Che Mud Che Awang atau lebih dikenali sebagai Che Soh oleh penduduk kampung, berumur 73 tahun, dilahirkan di Kg Telaga Bata, Tumpat, Kelantan. Nama isteri beliau ialah ı. Hasil daripada perkongsian hidup, mereka dikurniakan empat cahaya mata. Dahulu bekerja sebagai penuai padi dan bercucuk tanam. Sekarang Che Soh lebih dikenali sebagai pembuat kraftangan seperti perangkap puyuh. Perkhidmatan beliau sering digunakan oleh orang luar. Che Soh juga sering melibatkan diri dalam seni kebudayaan seperti permainan wayang kulit, rebana dan sebagainya. Tidak mempunyai latar pendidikan. Mula melibatkan diri dalam bidang pekerjaan ketika berumur lapan belas tahun dengan mengikuti arwah ayah nya menuai padi dan bercucuk tanam.

# DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 10PG-12TGH HRI | 07/03/17 | Mendapat tugasan dari Puan Kamariah untuk mewawancara tokoh mengenai skop cerita rakyat negeri Kelantan. | Mencari pasangan yang sesuai yang boleh membantu antara satu sama lain . |
| 10PG-12TGH HRI | 14/03/17 | Perbincangan mengenai pemilihan topik. | Berdasarkan perbincangan yang telah dipersetujui kami memilih topik Kg. Bunohan sebagai tajuk subjek ini untuk mengetahui secara mendalam kisah di sebalik kampung yang terkenal di kawasan Tumpat. |
| 4PTG-6PTG | 18/03/17 | Mencari maklumat mengenai cerita Kg. Bunohan melalui laman sesawang. | Kami telah menggunakan laman sesawang untuk mencari kehidupan Kg. Bunohan. |
| 8 PG – 10 PG | 29/03/17 | Memaklumkan kepada pensyarah mengenai tajuk pilihan. | Menjelaskan kepada pensyarah mengenai tajuk yang dipilih seta berbincang mengenai kesesuaian tajuk.<br><br>Bertanya kepada pensyarah dan teman pelajar yang lebih berpengalaman mengenai informasi pencerita yang boleh di wawancara kan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1PTG–2PTG | 30/03/17 | Pergi ke Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan (JKKN) dan Muzium Kelantan. | Kami pergi ke JKKN untuk mencari maklumat tentang pencerita-pencerita yang boleh di dapati untuk tajuk kami.<br><br>Tidak menemukan sebarang maklumat, kami segera pula ke Muzium Kelantan mencari maklumat pencerita tetapi tetap juga tidak menemukan sebarang maklumat tentang pencerita. |
| 10 PG | 01/04/17 | Perjalanan mencari pencerita di Tumpat, Kelantan | Kami mendapat maklumat dari rakan sekelas. Menaiki kereta serta bergelut dalam perjalanan menuju ke rumah si pencerita |
| 12 TGH | | Berlaku sedikit kesulitan dalam proses semasa mencari rumah pencerita. | Bertanya dengan penduduk kawasan berdekatan tersebut mengenai rumah pencerita yang ada.<br><br>Menggunakan inisiatif dengan bertanya di kedai makan tentang keberadaan rumah ketua kampung di mana nasib berpihak kepada kami kerana terdapat penduduk kampung yang baik hati untuk membawa kami ke rumah ketua kampung yang tidak jauh daripada tempat itu. |
| 1 PTG | | Berjaya mengesan lokasi rumah pencerita, Che Soh. | Bertanyakan kepada ketua kampung mengenai pencerita yang ada di kawasan kampung.<br><br>Dengan usaha yang tidak pernah putus, kami akhirnya berjaya sampai di rumah si pencerita.<br><br>Memulakan proses mengenalkan diri kepada Che Soh serta memberitahu tujuan datang ke rumah pencerita. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8PG-10PG | 19/04/2017 | Sesi merujuk senarai soalan kepada pensyarah. | Kami menunjukkan senarai soalan yang telah disiapkan kepada pensyarah untuk membetulkan kesalahan serta memastikan soalan bersesuaian dengan tajuk yang akan ditanyakan nanti. |
| 1PTG-4PTG | 24/04/2017 | Sesi temu bual | Sesi temu bual berlaku di ruang tamu kediaman pencerita bertujuan untuk mengadakan sesi wawancara bersama pencerita. |
| | 14/05/2017 | Sesi menyiapkan transkrip | Segala persiapan dalam menyiapkan transkrip dilakukan. |
| 8PG-10PG | 21/06/2017 | Semakan akhir draft bersama pensyarah | Semakan akhir telah dilakukan bersama pensyarah sebelum menghantar transkrip sebenar bagi mengelakkan sebarang kesilapan dilakukan. |
| | 10/07/2017 | Menghantar transkrip penuh kepada pensyarah. | |

# SENARAI SOALAN

**Latar belakang pencerita**

1. Boleh saya tahu nama penuh Encik?
2. Apakah nama samaran Encik
3. Berapakah umur Encik?
4. Di manakah Encik dilahirkan?
5. Bilakah Encik dilahirkan?
6. Di manakah Encik di besarkan?
7. Encik anak yang ke berapa?
8. Apakah status Encik?
9. Berapakah jumlah adik-beradik Encik?
10. Di manakah Encik mendapatkan pelajaran?
11. Pada tahap manakah Encik berjaya menamatkan pelajaran?
12. Apakah pekerjaan Encik?
13. Di manakah Encik bekerja?
14. Sektor swasta mahupun kerajaan?
15. Pada tahun berapakah Encik mula bekerja?
16. Berapa lama tempoh Encik berkhidmat ?
17. Apakah pekerjaan seterusnya?
18. Apakah pekerjaan yang encik lakukan pada masa kini?
19. Sejak bila kah Encik melibatkan diri dalam seni kraf tangan?
20. Apakah kraf tangan yang Encik buat?
21. Apakah tahap pendidikan Encik?
22. Siapakah nama isteri Encik?
23. Berapa jumlah cahaya mata Encik?
24. Pada tahun berapa Encik menamatkan zaman bujang?
25. Berapa ramai kah anak Encik?
26. Siapakah nama anak sulung Encik?
27. Umur berapakah dia sekarang?

28. Sudah berkahwin ke belum?
29. Lelaki atau perempuan?
30. Sudah bekerja atau masih belajar?
31. Di manakah dia bekerja atau belajar?
32. Berapakah jumlah cucu Encik?
33. Berapa lelaki atau perempuan?
34. Siapakah nama anak bongsu Encik?
35. Berapakah umurnya sekarang?
36. Dah berkahwin ke anak bongsu Encik?
37. Adakah perkahwinan Encik diaturkan?
38. Apakah faktor kebahagiaan rumah tangga Encik?
39. Siapakah yang selalu memberi dorongan kepada Encik?
40. Bagaimana beliau memberikan dorongan kepada Encik?
41. Siapakah inspirasi Encik?
42. Bolehkah Encik ceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga Encik?

**Latar belakang Bunohan**

43. Bolehkah encik ceritakan sikit tentang Kg. Bunohan ?
44. Apakah kaitan Encik dengan Kg. Bunohan?
45. Di manakah terletaknya Kg. Bunohan ?
46. Berapakah keluasan kampung ini?
47. Pada tahun berapakah kampung ini diwujudkan?
48. Sebelum kampung diwujudkan, adakah kawasan kampung ini merupakan kawasan sawah padi atau hutan belukar?
49. Apakah sumber pendapatan utama penduduk di kampung ini?
50. Apakah aktiviti atau program yang sering diadakan di kampung ini sepanjang tahun?
51. Apakah nama kampung di kawasan terdekat Kg. Bunohan ?
52. Kenapakah kampung itu digelar dengan nama Kg.Bunohan ?
53. Apakah yang telah terjadi atau misteri di sebalik Kg. Bunohan ?
54. Adakah benar peristiwa misteri pernah terjadi pada kampung ini?
55. Apakah versi sebenar di sebalik Kg. Bunohan?
56. Adakah versi pertama Kg. Bunohan benar seperti di dalam filem Bunohan ?
57. Apakah pendapat encik tentang filem Bunohan?
58. Adakah benar versi Kg. Bunohan berasal daripada sejenis perangkap ikan?
59. Pada zaman bilakah perangkap ikan itu dikenali ?
60. Bahan apakah yang digunakan untuk membuat perangkap ikan ?
61. Di manakah boleh mendapatkan bahan untuk membuang perangkap ikan?
62. Berapa lama kah jangka masa ketahanan perangkap ikan tersebut?
63. Apakah keistimewaan perangkap ikan yang dikenali sebagai Bunohan ?
64. Di manakah perangkap ikan itu digunakan ?
65. Kenapakah perangkap ikan itu dikenali sebagai Bunohan?
66. Dimanakah perangkap ikan itu digunakan?
67. Bagaimana kah bentuk Bunohan itu?
68. Bagaimanakah perangkap Bunohan itu digunakan?
69. Kenapakah perangkap ikan itu dikenali sebagai Bunohan ?

70. Adakah versi kejadian bunuh beramai-ramai di Kg.Bunohan adalah benar atau mitos?
71. Bilakah kejadian ini berlaku ?
72. Siapakah yang menyerang di Kg. Bunohan ?
73. Kenapakah negara ini menjadi tempat kedatangan tentera Jepun ?
74. Berapa lama kah tentera Jepun datang ke Kg. Bunohan ?
75. Apakah yang telah berlaku di Kg. Bunohan?
76. Siapakah orang yang terlibat dalam pembunuhan ?
77. Selain Melayu, apakah bangsa yang turut terlibat?
78. Mengapakah tentera Jepun cuba membunuh orang kampung ?
79. Di manakah tempat kejadian di dalam kampung ?
80. Di manakah jenazah dikebumikan ?
81. Adakah cerita itu benar terjadi?
82. Kg. Bunohan menceritakan tentang apa?
83. Adakah penduduk kampung melarikan diri di negara jiran keran jarak kampung ini negara jiran tidak terlalu jauh?
84. Mengapakah penduduk kampung menjadi mangsa tentera Jepun ?
85. Apakah kesalahan penduduk kampung sehingga mereka di bunuh?
86. Di manakah terletak nya pangkalan tentera Jepun ?
87. Adakah pangkalan terletak jauh dari kejadian bunuh?
88. Apakah kaitan negera Thailand dan Jepun ?
89. Adakah kedua-dua negara ini membuat perjanjian untuk memusnahkan kawasan kampung ini?
90. Mengapakah perjanjian itu ditandatangani?
91. Adakah orang tempatan juga terlibat dengan kejadian bunuh di kampung ini?
92. Apakah yang telah terjadi kepada penduduk kampung yang lain ?

**Pendapat dan harapan**

93. Apakah kesan daripada pembunuhan beramai-ramai yang telah berlaku di Kg. Bunohan ?
94. Macam manakah kebangkitan orang kampung selepas kejadian itu?
95. Apakah pendapat Encik tentang filem Bunohan yang sama sekali bercanggah dengan cerita Kg. Bunohan sebenar?
96. Apakah yang membezakan cerita Bunohan dengan cerita sebenar?
97. Apakah usaha yang dilakukan untuk mengekalkan versi cerita sebenar Kg. Bunohan?
98. Apakah iktibar yang terdapat dalam kejadian ini?
99. Pada masa akan datang, adakah cerita sebenar di sebalik Kg. Bunohan akan dilupakan?
100. Apakah yang telah dilakukan oleh Encik agar cerita di sebalik Kg. Bunohan sentiasa diingati oleh generasi kini dan seterusnya?
101. Pendapat Encik mengapakah cerita Kg. Bunohan harus diingati?
102. Ramai orang telah menganggap kejadian bunuh beramai-ramai adalah cerita sebenar Kg. Bunohan. Pada pendapat Encik, macam mana nak ubah persepsi tersebut?
103. Kami akan mengeluarkan buku temu ramah dalam versi bercetak. Adakah Encik nak simpan satu salinan untuk Encik?

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN

Saya.......Che Mud Che Awang.......................................... K/P:
pada ....24/04/2017...............dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak mililk sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekaldanboleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik samaada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll.,sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

..................................................

Nama Pencerita Che Mud Che Awang

Tarikh: 24/04/2017

..................................................

Prof. MadyaDr. Haji Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Kelantan

Tarikh:

# GAMBAR, SIJIL, DAN LAIN-LAIN



Gambar 1 Bersama pencerita



Gambar 2 Perangkap Bunohan



Gambar 3 Kraf tangan jebak puyuh